



Sosialis



ORANG ASLI BANGKIT



PERTAHANAN HUTAN & TANAH ADAT

baca lanjut di m/s 8 & 9



Himpunan BERSIH 5

> m/s 4



Forum Sosialisme 2016

> m/s 6 & 7

Skim Pesakit Bayar Penuh ancam kesihatan awam

> m/s 12



Selamat jalan Fidel Castro

> m/s 14

Kejutan Pilihanraya Presiden AS

> m/s 13

Mana sembunyi peruntukan ibu tunggal?

> m/s 11

Kuasa rakyat bebaskan Maria

baca lanjut di m/s 5

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan pencapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.

★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.
<https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Himpunan BERSIH 5 yang berlangsung pada 19 November yang lalu, sekali lagi menunjukkan bahawa rakyat Malaysia amat mendahagakan perubahan dalam sistem politik negara kita yang telah pun dirosakkan teruk di bawah pemerintahan UMNO-BN. Kerajaan pimpinan Najib Razak yang dihantui dengan pelbagai skandal pula sedang terdesak untuk mempertahankan kekuasaan dengan cara-cara yang kotor. Penahanan Maria Chin, Pengerusi Gabungan BERSIH 2.0, di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) hanya menunjukkan bahawa pihak pemerintah cuba melenyapkan suara-suara yang mengkritiknya dengan apa jua cara pun, termasuklah menggunakan akta zalim yang menindas hak asasi manusia.

Kekuasaan UMNO-BN pimpinan Najib Razak memang terbukti tergugat apabila kita dengar semakin banyak retorik politik yang bersifat perkauman sempit dan tohmahan yang tidak berasas terhadap masyarakat sivil dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Penguasa yang tergugat kedudukannya akan sentiasa mencari alasan demi alasan untuk menyekat ruang demokrasi dan menindas mereka yang dapat mencabarnya. Oleh yang demikian, perjuangan rakyat untuk demokrasi dan keadilan sosial perlu diteruskan dan

diperhebatkan, jika tidak, seluruh rakyat negara kita akan menerima padah daripada ancaman pemerintahan yang semakin menuju ke kuku besi.

Sementara itu, kita juga dapat melihat perjuangan di peringkat akar umbi menentang kerakusan kapitalis juga semakin sengit. Satu contoh terbaru adalah perjuangan masyarakat Orang Asli menentang kapitalis pembalak dan kerajaan yang berkomplot dengan kapitalis. Masyarakat Orang Asli di Kelantan telah menunjukkan keberanian dan kesungguhan mereka dalam mempertahankan tanah adat mereka dengan mendirikan sekatan jalan (*blockade*). Walaupun ditahan dan blockade yang didirikan mereka dirobuhkan, mereka tetap bertekad untuk mendirikan semula sekatan jalan dan meneruskan perjuangan. Semangat ini memang patut kita contohi dalam menggerakkan perjuangan rakyat menuntut demokrasi dan keadilan sosial.

Negara kita sedang dilanda pelbagai musibah akibat daripada kepincangan pemerintahan UMNO-BN yang penuh dengan korupsi dan juga sistem kapitalis yang semakin hari semakin parah. Rakyat Malaysia perlu terus bangkit untuk mempertahankan hak asasi kita daripada terus dihakis. Kesejahteraan rakyat juga turut terancam jika kita tidak mengatur langkah untuk memperjuangkannya. Hanya gerakan rakyat dari bawah yang dapat menyelamatkan negara kita dan mempertahankan kepentingan rakyat biasa. ##



Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, ■
■ maka anda boleh berlanggan terus dengan kami. ■

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 ■
■ keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu) ■

■ Nama: _____ ■

■ Alamat: _____ ■
■ _____ ■
■ _____ ■

■ Telefon: _____ ■

■ Faks: _____ ■

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA** ■

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia** ■
■ **140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields** ■
■ **50470 Kuala Lumpur** ■

■ Tel/Faks: 03-22762247 ■

■ Laman web: <http://partisosialis.org/> ■

Kempen Tabung Pemberhentian Kerja



Kuantan

Fasa Pertama Jelajah Kempen Tabung Pemberhentian Kerja di negeri Pahang telah berlangsung pada 12 November yang lalu. Jelajah tersebut melibatkan beberapa lokasi di daerah Pekan dan Kuantan. Program ini dijalankan oleh Biro Pekerja PSM dengan kerjasama PSM Pahang.

Roadshow ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan orang ramai terhadap cadangan

tabung ini yang akan dibawa kepada Kementerian Sumber Manusia untuk dilaksanakan. Sokongan ini ditunjukkan dengan tandatangan pada poskad yang dikumpulkan dan dijangka akan diserahkan kepada Kementerian pada awal tahun hadapan. Bahan-bahan yang diedarkan juga menerangkan lebih lanjut tentang tabung ini seperti tujuan perlunya wujudkan tabung ini, mekanisme pengurusan tabung dan sebagainya.

Roadshow bermula di Pasar Pagi Bandar Pekan sebelum ke Pusat Membeli-belah Kuantan Parade dan berakhir di Pasar Malam UTC Bandar Kuantan.

Sambutan terhadap aktiviti ini sangat menggalakkan di mana sejumlah lebih 400 poskad telah ditandatangani manakala lebih 3000 risalah telah diedarkan kepada orang ramai.

Dalam masa yang sama juga, PSM turut menerima aduan daripada orang ramai tentang masalah-masalah berkaitan pekerja untuk dibawa kepada pihak berkenaan bagi tindakan selanjutnya.

Kempen Tabung Pemberhentian Kerja juga giat dijalankan di tempat lain.




Melaka



Kajang

Nelayan Terengganu

Satu rombongan PSM yang diketuai oleh Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput) dan Sivarajan (Setiausaha Agung PSM) telah mengadakan lawatan ke Kuala Terengganu pada 2 Disember yang lalu untuk mendengar keluhan masalah nelayan di situ dan merancang aksi seterusnya. Raja Kamarul Bahrin Shah, Ahli Parlimen Kuala Terengganu telah memberi bantuan dalam mengatur perjumpaan tersebut.



Solidariti untuk OA Gua Musang

PSM bersama dengan beberapa wakil masyarakat sivil di Perak telah membuat aduan polis di Ibupejabat Polis Daerah Ipoh pada 30 November yang lalu berkenaan

dengan isu sekatan jalan membantah pembalakan oleh Orang Asli di Gua Musang. PSM menuntut pada pihak polis supaya membebaskan semua Orang Asli yang ditahan pada masa itu dan mendesak untuk perbincangan secara aman demi menyelesaikan masalah dengan adil.



Kampar

Mesyuarat pembentukan Unit PSM di Kampar PSM di telah diadakan pada 4 Disember yang lalu.

Solidariti untuk Papua Barat Tuntut hak penentuan nasib sendiri

Berikut ialah kenyataan bersama antarabangsa yang dikeluarkan pada 1 Disember 2016, untuk menyatakan solidariti kepada rakyat Papua Barat yang sedang memperjuangkan hak untuk menentukan nasib sendiri. Kenyataan bersama ini merupakan inisiatif PSM dan disokong oleh 27 organisasi.

Kami, organisasi-organisasi yang menandatangani kenyataan ini, menyatakan sokongan kami kepada perjuangan rakyat Papua Barat untuk penentuan nasib sendiri.



1 Disember menandakan hari kemerdekaan Papua Barat untuk orang Papua apabila bendera Bintang Kejora dikibarkan di bumi Papua pada tahun 1961 sebelum diilhakkan oleh Indonesia. Bendera ini melambangkan aspirasi ramai orang Papua untuk Papua Barat yang bebas. Namun, upacara menaikkan bendera Bintang Kejora masih diharamkan dan mereka yang berbuat demikian menghadapi ancaman ditangkap dan ditindas oleh pihak berkuasa. Pada 1 Disember tahun ini, rakyat Papua Barat meneruskan tradisi perjuangan untuk penentuan nasib sendiri melalui mobilisasi massa. Rakyat Indonesia yang prihatin pada Papua Barat juga memobilisasi untuk menyatakan solidariti. Aksi serentak diadakan di seluruh Indonesia untuk menyokong penentuan nasib sendiri orang Papua Barat.

Sejak pengilhakan Papua Barat melalui referendum "Penentuan Pendapat Rakyat" yang tidak bebas pada tahun 1969 di bawah pemerintahan kediktatoran Suharto, adalah dianggarkan seramai 500,000 orang Papua Barat telah terbunuh dalam perjuangan mereka untuk pemerintahan sendiri. Rakyat Papua Barat telah mengalami penindasan kejam dan budaya ketakutan untuk berdekad lamanya. Tentera dan polis Indonesia telah melakukan penindasan secara sistematik terhadap orang Papua Barat dengan mengapi-apikan sentimen perkauman.

Sehingga hari ini, rakyat Papua Barat masih menghadapi ancaman, penindasan dan kezaliman oleh pemerintah Indonesia yang semakin meningkat. Hanya dalam tahun ini sahaja, beribu-ribu orang telah ditangkap kerana menyuarakan tuntutan mereka untuk penentuan nasib sendiri dan referendum kemerdekaan.

Oleh yang demikian, kami menyeru pada pemerintah Indonesia supaya:

1. Menghormati hak penentuan nasib sendiri rakyat Papua Barat, termasuk hak untuk mengadakan

referendum, bagi memutuskan masa depan Papua Barat.

2. Hentikan penindasan terhadap rakyat Papua Barat yang menyuarakan tuntutan untuk penentuan nasib sendiri.


3. Melindungi hak untuk kebebasan maklumat, kebebasan bersuara, kebebasan berpersatuan dan kebebasan berfikir untuk rakyat Papua Barat.

4. Memperbaiki kehidupan rakyat Papua Barat dengan menyediakan pendidikan percuma, kesihatan universal dan pengangkutan awam yang mampu diguna.

5. Hentikan politik perkauman yang diamalkan oleh tentera dan polis Indonesia terhadap rakyat Papua Barat.

Kami menolak segala bentuk campurtangan imperialis dalam proses perjuangan demokratik di Papua Barat. Solidariti kami bersama rakyat Papua Barat untuk penentuan nasib sendiri adalah sebahagian daripada perjuangan menentang imperialisme dan korporat antarabangsa yang menyokong amalan penjajahan melalui perampasan tanah di Papua Barat.

Kami juga menyeru pada rakyat di seluruh dunia untuk meningkatkan usaha melanjutkan solidariti kepada perjuangan orang Papua untuk penentuan nasib sendiri. ##



Gabungan Kiri

Mesyuarat Gabungan Kiri telah diadakan pada 3 Disember yang lalu di Petaling Jaya. Mesyuarat tersebut telah membincangkan Manifesto Gabungan Kiri untuk Pilihanraya Umum ke-14.

Himpunan BERSIH 5

Obor demokrasi perlu terus menyala

Walaupun menghadapi pelbagai rintangan, termasuklah gangguan keganasan yang berterusan daripada kumpulan Baju Merah yang menyokong pemerintahan Najib Razak dan juga penahanan beberapa orang pemimpin gerakan BERSIH sehari sebelum berlangsungnya himpunan raksasa di Kuala Lumpur, Himpunan BERSIH 5 telah berjaya diadakan pada 19 November yang lalu.

Lebih kurang 50,000 orang turun ke jalanan di Kuala Lumpur, membanjiri pusat bandaraya ibu negara dengan gelombang kuning yang inginkan pilihanraya bersih dan demokrasi sejati.

Walaupun jumlah penyertaan dalam Himpunan BERSIH 5 kurang berbanding dengan dua himpunan BERSIH sebelumnya (iaitu Himpunan BERSIH 3 pada 28 April 2012 dan Himpunan BERSIH 4 pada 29-30 Ogos tahun yang lepas), namun perhimpunan kali ini merupakan aksi massa di jalanan yang paling besar dalam satu tahun lepas. Suasana politik di negara kita agak murung untuk setahun yang lepas, dengan kehadiran dalam aksi jalanan semakin menurun, jadi jumlah yang

hadir dalam Himpunan BERSIH 5 memang boleh dikatakan sangat menggalakkan. Ramai orang masih mempunyai harapan untuk melakukan perubahan dan ingin menyertai aksi massa untuk memperjuangkannya.

Walaupun kumpulan Baju Merah juga mengadakan himpunan serentak pada hari yang sama untuk membantah BERSIH 5, tetapi jumlah kehadirannya jauh kurang berbanding dengan BERSIH 5, dan terpaksa ditamatkan dalam keadaan tergesa-gesa. Baju Merah akhirnya gagal dalam menandingi gerakan BERSIH. Satu kemenangan untuk kuasa rakyat yang memperjuangkan pilihanraya bersih dan demokrasi.

Himpunan BERSIH 5 telah menggariskan 5 tuntutan utama, iaitu:

1. Pilihan Raya Bersih
2. Kerajaan Bersih
3. Kukuhkan Demokrasi Berparlimen
4. Hak Membantah
5. Memperkasa Sabah dan Sarawak

Tuntutan yang dibawa ini amat penting untuk proses pendemokrasian di negara kita.



Negara kita tidak akan dapat mencapai demokrasi yang sejati sekiranya penambahbaikan terhadap sistem politik kita tidak dilaksanakan.

Kempen BERSIH 5 telah dimulakan pada 1 Oktober yang lalu, dan berlarutan selama 7 minggu menuju himpunan pada 19 November sebagai kemuncak. Obor BERSIH telah dibawa menjelajah ke seluruh negara. Sambutan sangat menggalakkan walaupun menghadapi gangguan daripada kumpulan Baju Merah yang anti-demokratik di

beberapa tempat semasa kempen berjalan.

Pada 19 November, rakyat yang berbaju kuning telah berkumpul sejak awal pagi lagi di beberapa tempat. Seperti biasa, pihak polis telah menutup Dataran Merdeka. Perarakan peserta BERSIH dari Bangsar dihalang oleh polis. Namun, ramai masih mencari jalan sendiri untuk menuju ke Dataran Merdeka. Pada waktu petang, orang ramai yang berhimpun telah beralih ke KLCC dan himpunan berakhir di sana.

Rakyat perlu terus berorganisasi Jangan biar gerakan demokrasi diculik oportunis


Selepas Pilihanraya Umum ke-13, gerakan rakyat dan pembangkang di negara kita menjadi semakin lembab dari segi mengatur perjuangan. Antara faktor sentimen kekecewaan yang wujud di kalangan rakyat adalah kegagalan untuk menukar kerajaan dalam PRU-13 walaupun selepas gelombang mobilisasi rakyat yang hebat sejak 2 tahun sebelum itu; dan juga masalah dalam kem parti-parti pembangkang yang tidak dapat selesai malahan menimbulkan perpecahan antara mereka. Perbalahan dalaman parti pembangkang, pemenjaraan Anwar Ibrahim, perpecahan Pakatan Rakyat, pertelingkahan berkisar pada Hukum Hudud dan sebagainya, telah mengakis teruk keyakinan dan kepercayaan rakyat untuk perubahan politik dalam jangka masa yang pendek.

Kerajaan UMNO-BN pimpinan Najib Razak sedang dilanda dengan pelbagai skandal. Skandal 1MDB tidak habis-habis. Kepincangan dalam pentadbiran negara telah mengundang pelbagai krisis dan masalah. Parti pemerintah UMNO sendiri juga mengalami perpecahan akibat daripada krisis terkini. Puak Mahathir yang melawan dengan Najib telah disingkir keluar daripada

UMNO dan terpaksa mula bekerjasama dengan pihak pembangkang. Sama ada inisiatif untuk Deklarasi Rakyat ataupun penubuhan parti baru yang bergelar BERSATU, semuanya merupakan usaha puak Mahathir untuk menjatuhkan Najib demi kepentingan puak mereka sendiri. Dalam keadaan terdesak, puak Mahathir telah mengambil strategi untuk kerjasama dengan pihak pembangkang yang pernah menjadi musuh ketaranya. Ini merupakan satu tindakan bersifat oportunis untuk merampas semula kuasa daripada Najib. Disebabkan pihak pembangkang aliran utama sendiri mengalami pelbagai masalah dan gagal menonjolkan diri sebagai pencabar yang mampu menggugat rejim Najib, mereka terdesak pula untuk bekerjasama dengan Mahathir. Maka, wujudnya satu keadaan politik yang mengelirukan dan mengecewakan lagi ramai orang yang inginkan perubahan sejati.

Mahathir dan puak bekas UMNO yang berorganisasi di sekelilingnya, cuba menonjolkan diri mereka sebagai jaguh demokrasi, untuk mendapat sokongan rakyat yang sudah lama memperjuangkan demokrasi dan keadilan sosial. Sudah dijangkakan bahawa puak Mahathir

akan menggunakan pentas himpunan BERSIH 5 untuk membersihkan namanya daripada sejarahnya yang anti-demokrasi. Oleh yang demikian, tidak hairan ada ramai orang berasa himpunan BERSIH 5 telah dihijack oleh Mahathir apabila berarak ke KLCC. Walau bagaimanapun, jikalau gerakan BERSIH bukannya satu-satunya gerakan masyarakat yang terbesar di negara kita untuk satu dekad yang lepas, takkan golongan oportunis kuat seperti puak Mahathir begitu beria-ia untuk menghijacknya.



Gerakan demokrasi di negara kita sedang berada di persimpangan jalan. Cabaran utama untuk gerakan demokrasi seperti BERSIH bukannya berapa jumlah orang yang turun ke jalanan, tetapi adalah bagaimana menggerakkan perjuangan demokrasi ini ke hadapan. Bagaimana gerakan demokrasi yang disertai puluhan ribu rakyat dapat memberi tekanan yang berkesan kepada penguasa? Bagaimana kita dapat membolehkan perubahan dari segi kuantitatif (jumlah peserta) ditukar kepada perubahan kualitatif yang dapat membawa reformasi demokrasi yang sebenar?

Mungkin kita boleh mendapat sedikit pedoman daripada aksi solidariti menuntut pembebasan Maria yang dimulakan sejurus selepas himpunan BERSIH 5. Perjuangan untuk demokrasi dan keadilan sosial tidak berhenti pada sesuatu acara kemuncak atau perhimpunan raksasa, tetapi perlu digerakkan secara berterusan melalui organisasi dari bawah. Cabaran yang lebih hebat bakal menunggu dan usaha kita membina kuasa rakyat tidak boleh ditangguh. ##

Kuasa rakyat bebaskan Maria

Mungkin penguasa di negara kita ingat bahawa dapat menyekat Himpunan BERSIH 5 dengan penahanan Maria Chin, namun terbukti kesannya adalah sebalik. Satu gelombang protes menuntut pembebasan Maria Chin dan pemansuhan akta zalim merebak semasa Maria Chin ditahan tanpa bicara. Suasana selepas Himpunan BERSIH 5 tidak terpendam malah membara dengan aksi solidariti di merata tempat.

Maria Chin Abdullah, Pengerusi Gabungan BERSIH 2.0, telah ditangkap oleh polis pada 18 November yang lalu, sehari sebelum berlangsungnya Himpunan BERSIH 5. Pada 19 November, Maria Chin telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), satu akta zalim yang membenarkan penahanan tanpa bicara sampai 28 hari. Selepas ditahan untuk selama 10 hari, Maria Chin dibebaskan pada 28 November.

SOSMA merupakan akta yang digubal oleh pentadbiran Najib Razak selepas Akta Keselamatan Dalam

Negeri (ISA) dimansuhkan pada tahun 2012. Pada awalnya, kerajaan berjanji bahawa akta tersebut tidak akan digunakan ke atas mana-mana orang atas sebab pendirian politiknya. Namun, amat jelas sekali dalam kes penahanan Maria Chin, kerajaan pimpinan Najib telah memungkiri janjinya.

Sememangnya penahanan tanpa bicara merupakan pencabulan hak asasi yang serius. Mana-mana orang yang ditahan perlu dihadap ke mahkamah untuk pertuduhan, dan jikalau tidak, perlu dibebaskan. ISA pernah digunakan secara berleluasa ke atas pengkritik kerajaan untuk melindungi kedudukan mereka yang berkuasa. Sekarang pula SOSMA menggantikan ISA menjadi alat penindas golongan berkuasa untuk melenyapkan suara kritikan terhadap



mereka. Maria Chin merupakan seorang aktivis sosial yang giat memperjuangkan demokrasi dan hak asasi manusia di negara kita. Penahanan beliau dengan menggunakan akta zalim seperti SOSMA ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan pimpinan Najib

Razak langsung tidak menghormati kebebasan dan hak rakyat untuk menyuarakan pendirian politik. Tindakan menahan aktivis dengan akta zalim sedang mengancam ruang demokrasi di negara kita yang sudahpun semakin hari semakin sempit di bawah pentadbiran rejim UMNO-BN yang penuh dengan korupsi, kepincangan dan ketidakadilan.

Namun, penahanan Maria Chin tidak mematahkan semangat rakyat

Malaysia yang inginkan perubahan yang lebih baik. Sejurus selepas Himpunan BERSIH 5, rakyat daripada pelbagai latar belakang telah berhimpun untuk memberi solidariti kepada Maria Chin dan menuntut pembebasannya.

Sepanjang 10 hari semasa Maria Chin ditahan, setiap malam, rakyat berhimpun di Dataran Merdeka, untuk menuntut pembebasan Maria Chin dan pemansuhan SOSMA. Aksi solidariti juga berlangsung di negeri lain seperti Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Johor. Aksi-aksi solidariti yang berterusan ini akhirnya mendatangkan hasil dengan pembebasan Maria Chin daripada penahanan SOSMA. Sekali lagi, syabas kepada rakyat Malaysia yang berani bersuara membantah penggunaan akta zalim dan menuntut kebebasan rakyat.

Semangat ditunjukkan dalam kempem pembebasan Maria barangkali dapat menyuntik semangat baru kepada perjuangan untuk demokrasi di negara kita dan membawanya ke peringkat yang baru. ##

Penahanan Maria dan pembebasannya.... Sampai bila polis akan belajar?

oleh Arutchelvan

(Nota pengarang: Arutchelvan telah ditangkap sehari sebelum Himpunan BERSIH 5, iaitu pada 18 November 2016, dan direman untuk 2 hari sebelum dibebaskan pada 20 November 2016.)

Maria Chin Abdullah, Pengerusi Gabungan BERSIH 2.0, telah ditahan sehari sebelum perhimpunan BERSIH 5, iaitu pada 18 November yang lalu. Turut ditahan adalah Jamal Yunos daripada Baju Merah dan dua orang rakannya, Hairol Nizam Md Nor dan Razali Zakaria. Untuk pihak Baju Kuning pula, iaitu gerakan BERSIH, mereka yang ditahan sebelum himpunan BERSIH 5 selain daripada saya adalah Mandeep Singh, Ronnie Liu, Jimmy Wong, Muhamad Luqman, Anis Syafiqah, Lee Khai Meng dan Safwan Anang.

Polis memang mempunyai satu perancangan untuk menahan beberapa orang pemimpin Baju Merah dan Kuning sebelum Perhimpunan BERSIH. Ini boleh disahkan kerana polis memang mempunyai satu senarai nama-nama mereka yang perlu ditahan sebelum himpunan BERSIH 5. Saya diberitakan sebagai nombor 6 dalam senarai tersebut.

Untuk melakukan satu penahanan awal atau penahanan pencegahan (*preventive arrest*), polis terpaksa membuat satu alasan. Maka alasan yang diberikan untuk penahanan kami ada beberapa, iaitu: di bawah Seksyen 147 Kanun Keseksaan kerana merusuh; Akta Hasutan 1948; Seksyen 153 Kanun Keseksaan kerana melakukan provokasi dengan niat menyebabkan rusuhan; dan

Seksyen 124C Kanun Keseksaan kerana cubaan melakukan aktiviti yang memudaratkan demokrasi berparlimen. Semua ini adalah alasan-alasan untuk penahanan kami sebelum himpunan BERSIH 5. Namun, ada juga lagi penahanan yang dibuat semasa himpunan BERSIH 5, termasuk penahanan Hishamuddin Rais, Fahmi Reza dan Tian Chua. Ini sebenarnya adalah lanjutan penahanan yang tidak sempat dibuat sebelum himpunan BERSIH 5 dan oleh kerana arahan penangkapan sudah pun dikeluarkan, mereka juga ditangkap.

Apakah motif penahanan sebelum himpunan BERSIH 5? Bagi saya ia dibuat bertujuan untuk mewujudkan kegusaran di kalangan orang yang ingin keluar berhimpun dengan niat untuk mengurangkan jumlah orang yang keluar berhimpun. Dengan penahanan Maria Chin, Mandeep dan Jamal juga, mereka berpendirian bahawa ketua-ketua utama dalam kumpulan yang terlibat sudah ditahan, maka polis mempunyai kelebihan untuk menangani perhimpunan tersebut pada hari aksi BERSIH 5.

Namun, ada satu *twist* utama di mana pihak polis tiba-tiba menahan Maria di bawah SOSMA - Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Akta 747). Ini adalah satu undang-undang zalim yang boleh menahan seseorang tanpa dibicarakan untuk selama sehingga 28 hari. Walaupun kita semua sedar bahawa penahanan Maria ada kena mengena dengan BERSIH, tetapi pada 23 November, Ketua Polis Negara Khalid Abu Bakar dilaporkan berkata bahawa penahanan Maria tiada kena mengena dengan

perhimpunan BERSIH 5 tetapi dibuat di bawah SOSMA kerana beliau boleh menggugat keselamatan negara.

Penahanan Maria di bawah SOSMA adalah mengejutkan, tetapi tidak di luar jangkaan. SOSMA sememangnya pewaris Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Seperti ISA juga, ia sering dikatakan tidak akan digunakan terhadap musuh politik, tetapi ini juga yang sering kali dilakukan. Penahanan Maria membuktikan bahawa ini dilakukan sekali lagi. Namun, adakah penahanan Maria ini diarahkan oleh Perdana Menteri apabila dia sedang berada di luar negara? Kita tahu banyak tindakan-tindakan kerajaan yang tidak popular biasanya diambil semasa Perdana Menteri tiada dalam negara. Ini juga adalah ajaran daripada Mahathir.

Akan tetapi, nampak sangat terdapat perpecahan di kalangan parti pemerintah sendiri mengenai penahanan ini. Menteri Dalam Negeri dengan institusi Polis yang berada di bawahnya, tidak mahu mengambil tanggungjawab dan meminta media tanya terus kepada Ketua Polis Negara. Begitu juga pandangan beberapa pemimpin BN yang lain.

Penahanan Maria mendapat kecaman hebat di dalam dan luar negara. Momentum untuk pembebasannya semakin hari semakin besar. Satu perhimpunan raksasa dijadualkan pada hari 29 November di Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Duta, bersempena dengan pendengaran permohonan *habeas corpus* untuk Maria. Daripada pemerhatian saya, perhimpunan tersebut

akan menjadi perhimpunan paling besar di mahkamah dan akan jauh lebih besar daripada jumlah peserta yang turun semasa Anwar Ibrahim dijatuhkan hukuman di sana.

Dalam keadaan tertekan ini, polis telah membebaskan Maria sehari sebelum kes mahkamah. Maria dibebaskan pada 28 November, setelah ditahan selama 10 hari. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, SAC Rusdi Mohd Isa ketika dihubungi Bernama pada hari itu telah mengesahkan pembebasan Maria, namun beliau enggan mengulas lanjut tentangnya. Memang susah untuk mengulas memandangkan sebab ditahan dan sebab dibebaskan, bukan berdasarkan pertimbangannya tetapi pihak yang membuat strategi ini. Saya juga difahamkan bahawa kerajaan tidak membuat sebarang persediaan untuk membela diri dalam kes *Habeas Corpus* dan ini juga adalah satu petunjuk bahawa sudah ada arahan bahawa Maria perlu dibebaskan sebelum mahkamah mendengar kes tersebut.

Kuasa rakyat menang sekali lagi. Polis berundur daripada menggunakan SOSMA. Ini adalah situasi yang sama berlaku semasa penahanan 6 orang PSM di bawah Ordinan Darurat (EO) pada tahun 2011. Penahanan aktivis tidak menyebabkan momentum mengecut tetapi sebaliknya menyemarakkan dan memantapkan gerakan.

Nampaknya Polis belum belajar daripada pengalaman lagi. Sampai bila akan sedar? ##



Forum Sosialisme 2016



Forum Sosialisme 2016 telah berlangsung pada 25-27 November yang lalu di Kuala Lumpur. Topik-topik yang hangat telah dibincangkan dengan penyertaan daripada wakil-wakil parti kiri antarabangsa dan juga orang ramai yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Forum Sosialisme merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh PSM sejak tahun 2015. Tema untuk Forum tahun ini ialah **"Keluar dari Kapitalisme: Bina Kiri"**, dengan hasrat membincangkan beberapa topik penting berkaitan dengan masalah sistem kapitalis dan gerakan perjuangan rakyat di seluruh dunia. PSM menganjurkan perbincangan bersifat ilmiah sebegini secara berkala supaya dapat menyajikan analisis alternatif dan kejelasan politik kepada orang ramai yang berminat melibatkan diri dalam gerakan rakyat.

Upacara pembukaan Forum Sosialisme pada 25 November telah dimulakan dengan aksi solidariti menuntut pembebasan Maria Chin yang masih ditahan di bawah SOSMA pada masa itu. Majlis kemudiannya telah dimeriahkan dengan persembahan muzik yang menarik daripada kumpulan seperti Ayam Hitam, P-RM dan Francis Wolf. Benz Ali dan Raja Rao juga menyampaikan bacaan puisi dalam majlis tersebut.

Alex Bainbridge, wakil Socialist Alliance dari Australia, berkata dalam ucapannya semasa upacara pembukaan, "alternatif sosialis adalah satu-

satunya jalan untuk menuju ke depan di peringkat dunia." Alex menegaskan bahawa pada takat ini wujudnya polarisasi rakyat yang menuju ke kiri dan kanan, bukannya hanya ke kanan seperti yang digambarkan oleh media arus perdana. "Satu-satunya jawapan yang praktikal (untuk menyelesaikan krisis dunia), satu-satunya alternatif yang kita ada, adalah perubahan sosialis," begitu katanya.



Alternatif kiri dalam pilihanraya

"Alternatif Kiri dalam Pilihanraya" adalah topik untuk sesi kedua yang membariskan panel termasuk Jayanath Appudurai (Saya Anak Bangsa Malaysia), Merck Maguddayao (Partido Lakas ng Masa, Filipina), Mohamad Zaki Hussein (Partai Rakyat Pekerja, Indonesia) dan Arutchelvan (PSM).

Jayanath telah membentangkan hujah bahawa ramai orang walaupun kecewa dengan BN atau Pakatan Harapan yang dilihat tiada banyak bezanya, tetapi masih tidak menganggap politik kiri sebagai alternatif. Jayanath telah menyarankan bahawa untuk membina kuasa kiri, kita perlukan naratif yang menyeluruh dan menarik (termasuk visi untuk masyarakat, model ekonomi, model pentadbiran dan bajet nasional). Jayanath juga mengatakan bahawa kita perlu mendampingi, menyokong dan bekerja bersama golongan muda (berumur 20-35) yang merupakan generasi yang mempunyai akses terhad kepada pekerjaan, perumahan, pendidikan dan dibebankan dengan hutang.

Mohamad Zaki memperkenalkan cubaan Partai Rakyat Pekerja di Indonesia untuk membangunkan taktik parti ganda, iaitu membina parti massa bersifat progresif-reformis untuk mengambil bahagian dalam pilihanraya, sementara memperkembangkan parti revolusioner yang beroperasi dalam parti massa.

Arutchelvan pula menggariskan 4 dilema yang dihadapi PSM:

1. Patutkah parti sosialis pegang kuat pada posisinya atau mematuhi kehendak rakyat semasa membuat keputusan berkenaan dengan pilihanraya?
2. Apabila gabungan parti politik

yang meluas tidak dapat membantu parti kecil, patutkah PSM masih menyertainya ataupun bertanding secara sendiri?

3. Menang dalam pilihanraya lebih penting atau mempopularkan parti lebih penting?
4. Berprinsip atau pragmatik?

Arutchelvan juga meneroka pilihan untuk PSM dalam pilihanraya akan datang:


1. Bertanding secara sendiri – di mana ini merupakan satu tugas yang amat sukar kerana kekurangan bilangan anggota, wang dan jentera pilihanraya.
2. Menyertai gabungan parti-parti pembangkang – Adakah ini akan memperkuat rakyat marhaen? Adakah parti lain dalam gabungan menghormati kebebasan organisasi rakyat bawahan? Adakah mereka faham tentang keperluan untuk mengorganisasi dan mempolitikkan rakyat? Adakah mereka dengar pada rakyat dan membenarkan rakyat bersuara? Adakah mereka memberikan sumber yang diperlukan kepada rakyat dan menyeru pada rakyat untuk mengamalkan penguasaan sosial ke atas proses transformasi?
3. Membina kuasa ketiga, iaitu Gabungan Kiri.

"Kita perlu teruskan usaha membina dan menjenamakan semula parti. Sebuah parti yang kuat dengan sokongan massa yang kuat boleh membantu dalam membina gerakan dan juga menang dalam pilihanraya. Gerakan massa yang kuat dari bawah boleh memastikan bahawa kita perlukan perubahan sistem bukannya sekadar pertukaran rejim. Parti kuat yang berasaskan kesedaran kelas boleh mengalahkan politik perkauman di Malaysia," begitu katanya Arutchelvan.

(sambung di m/s 7)

Berputus daripada globalisasi neoliberal

Sesi pertama membincangkan topik "Berputus daripada Globalisasi Neoliberal", dengan membariskan panel yang terdiri daripada Pierre Rousset (Fourth International, Perancis), Balasubramaniam (CPIM-Liberation, India) dan Dr. Jeyakumar Devaraj (AJK Pusat PSM).



Balasubramaniam mengatakan bahawa modal sekarang ini sudah pun mempunyai sifat yang global dan mempunyai reka bentuk institusi yang memaksa serta mengawasi negara-negara di dunia untuk mematuhi perintahnya. Cubaan untuk berputus daripada ekonomi neoliberal perlu dilakukan secara multi-dimensi.

Pierre juga berpendapat bahawa krisis kapitalis sedunia sudah menjadi begitu teruk sehingga negara Eropah yang pada asalnya merupakan negara dunia pertama telah merosot menjadi seperti dunia

ketiga. Pierre berpandangan bahawa pembinaan kekuatan politik kiri amat penting dalam menghadapi ancaman puak kanan dalam situasi krisis yang semakin serius. "Kiri adalah alternatif yang bersifat solidariti untuk krisis, manakala puak kanan yang reaksioner adalah alternatif yang anti-solidariti untuk krisis," ulas Pierre.

Dr. Jeyakumar pula membentangkan idea tentang kewujudan bentuk imperialisme yang baru pada abad ke-21, di mana golongan kapitalis di negara maju mengeksploitasi negara yang kurang maju melalui

sistem kontrak atau *outsourcing*. Dr. Jeyakumar juga berpandangan bahawa pada masa kita cuba menentang kekuasaan kapitalis sedunia, golongan kiri perlu menawarkan kepada rakyat biasa satu alternatif yang boleh difahami secara umum dan dilihat boleh dilaksanakan.



Bersambung dari m/s 6

Iklm dalam krisis

Sesi ketiga membincangkan topik “Iklm dalam Krisis, adakah kita terlambat?”. Ahli panel terdiri daripada Affandi Mohmed (KUASA), Alex Bainbridge (Socialist Alliance, Australia) dan Suresh Kumar.

Affandi telah membentangkan Eko-Manifesto yang menekankan pada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar khususnya hutan, sebagai khazanah negara kita. Affandi berpandangan bahawa kerajaan perlu mengumumkan Darurat Ekologi akibat daripada penebangan hutan yang berleluasa.

Alex berhujah bahawa kapitalis yang memiliki bahan api fosil tidak mengambil langkah-langkah yang serius untuk mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida, begitu juga tiada pemodal akan menyerahkan



pelaburan yang menjana keuntungan lumayan tanpa apa-apa penentangan. “Kesimpulannya amat jelas, kita perlukan perjuangan rakyat untuk menghadkan dan kemudiannya mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau,” kata Alex.

Suresh mengatakan bahawa sistem kapitalis yang wujud sekarang ini mempromosikan peluasan ekonomi tanpa batasan, menghabiskan sumber alam yang tidak boleh diperbaharui dan bumi kita dianggap sebagai tangki pembuangan sisa yang tidak terhad. Ini telah menimbulkan masalah besar kepada

alam sekitar dunia kita. Suresh menegaskan, “untuk menyelesaikan masalah krisis alam sekitar, kita perlu menggalakkan proses membuat keputusan politik dan ekonomi yang benar-benar demokratik.”

Corbyn dan Sanders – gelombang baru?

Sesi keenam dengan topik “Corbyn dan Sanders – gelombang baru?” pula membariskan panel yang terdiri daripada Mary Ainsle (ahli akademik), Vincent Emanuele (aktivis sosial, Amerika Syarikat) dan Choo Chon Kai (PSM).

Mary telah membuat perbandingan ke atas Jeremy Corbyn dengan Bernie Sanders, dua orang pemimpin berhaluan kiri yang berjaya meraih sokongan ramai di Britain dan Amerika Syarikat masing-masing. Antara persamaan yang dapat diperhatikan adalah kedua-dua orang pemimpin politik ini mendapat sokongan ramai kerana mereka konsisten dalam pendirian politik mereka yang sentiasa berpihak kepada rakyat bawahan.

Vincent yang menyampaikan pembentangannya melalui skype merakamkan kebimbangannya tentang masa hadapan AS apabila Donald Trump menang dalam pilihanraya Presiden. Vincent berpendapat bahawa golongan kiri dan gerakan sosial di AS perlu mengorganisasi semula diri mereka untuk menghadapi pemerintahan yang lebih bersifat autokratik.

Choo Chon Kai pula berhujah tentang keperluan untuk golongan kiri menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami ramai untuk mendekati masyarakat umum dalam memperluaskan idea-idea kiri yang mampu mencabar sistem kapitalis.

Bina semula kuasa kiri

Forum Sosialisme juga memberi penghormatan terakhir kepada Fidel Castro apabila menerima berita tentang pemergian. Beberapa orang peserta forum termasuk V. Selvam (AJK Pusat PSM), telah menyampaikan ucapan penghormatan untuk memperingati pejuang revolusioner Kuba yang menjadi inspirasi kepada ramai di Dunia Ketiga untuk berjuang demi pembebasan.

Dalam sesi penutup, Saravathy, Timbalan Pengerusi PSM, telah mengeluarkan seruan supaya golongan kiri perlu terus berusaha membina kekuatan dari bawah, memperkasakan rakyat dan menjadikan alternatif sosialis itu sesuatu kenyataan.

Forum tiga hari ini berakhir dengan nyanyian lagu Internasionale dengan penuh semangat. Forum Sosialisme sekali lagi menyediakan medan untuk pertembungan idea-idea yang radikal dan perkongsian pengalaman perjuangan yang amat bernilai. ##



Lawan seksisme dan homofobia

Sesi keempat membincangkan topik “Lawan Seksisme dan Homofobia” dengan panel yang terdiri daripada Pang Khee Teik (aktivis sosial), Janarthani Arumugam (Empower) dan Rachel Evans (Socialist Alliance, Australia).

Janarthani berkongsi tentang penemuannya dalam kajian mengenai pekerja wanita di ladang kelapa sawit di Indonesia, di mana kaum wanita menghadapi penindasan berlipat ganda berbanding lelaki.

Rachel pula mengupas sejarah perjuangan pembebasan wanita dan LGBT serta pengalaman di negara-negara yang pernah melalui revolusi sosialis seperti Kesatuan Soviet dan Kuba.

Pang menyampaikan hujahnya yang amat menarik tentang kaitan politik hubungan sesama manusia dengan politik membina gabungan (antara organisasi), kasih sayang

dan pengagihan semula kekayaan emosi.

Isu berkaitan dengan LGBT memang jarang dibincangkan di masyarakat Malaysia kerana wujudnya salah tanggapan yang mendalam di kalangan masyarakat yang disuntik dengan pemikiran yang kolot. Adalah penting untuk membincangkan isu ketidakadilan yang wujud kerana perbezaan gender dan orientasi seksual, supaya kita dapat menyokong golongan yang tertindas membebaskan diri daripada diskriminasi dan penindasan yang berterusan.



Menangani fundamentalisme agama dan terrorisme

Sesi kelima dengan topik “Menangani Fundamentalisme Agama dan Terrorisme” membariskan panel yang terdiri daripada Farooq Tariq (Awami Workers Party), Syed Farid Al-Atas (National University of Singapore), William Leong (Ahli Parlimen Selayang, PKR) dan Dr. Nasir Hashim (PSM).

William Leong berhujah tentang keperluan untuk membangunkan wacana politik islam yang lebih progresif dalam menangkis fahaman ekstremis.

Syed Farid pula berhujah tentang fahaman politik berasaskan agama sebagai ideologi untuk mengekalkan struktur kekuasaan yang sedia ada. “Ekonomi islam pada asasnya hanya ideologi borjuis,” begitu katanya.

Farooq menegaskan kepentingan untuk membangunkan perpaduan kelas dalam perjuangan rakyat sebagai benteng menentang perluasan fahaman ekstremis agama.



Orang Asli bina blockade halang pembalakan

Kerajaan Kelantan cuba patahkan secara keras

Pada 29 November yang lalu, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) dengan bantuan pihak polis yang mengerahkan Pasukan Gerakan Am (PGA), dengan jumlah kira-kira 100 orang telah mengadakan operasi meleraikan protes sekatan jalan oleh Orang Asli di Simpang Petei, yang terletak di kawasan Hutan Simpan Kekal Balah, Gua Musang, Kelantan. Struktur buluh yang didirikan oleh Orang Asli di situ untuk menghalang kemasukan lori pembalakan telah dirobohkan. Seramai 47 orang telah ditangkap.

47 Orang Asli yang ditangkap telah direman selama 2 hari dan dibebaskan pada 1 Disember. Orang Asli di sekitar kawasan itu bersama dengan aktivis-aktivis yang prihatin telah mengadakan aksi solidariti di Ibupejabat Polis Daerah Gua Musang dan juga di hadapan Mahkamah Majistret Gua Musang.

Pada hari yang sama apabila 47 Orang Asli yang ditahan di Simpang Petei itu dibebaskan, pihak JPNK bersama dengan polis telah menjalankan satu lagi operasi meleraikan sekatan jalan oleh Orang Asli di Pos Pasik. Seramai 7 Orang Asli yang terlibat dalam sekatan jalan membantah pembalakan telah ditahan di Pos Pasik. Mereka telah direman untuk semalaman dan dibebaskan pada hari keesokannya.

Penduduk Orang Asli suku kaum Temiar dari 33 buah perkampungan telah bersepakat untuk mengadakan aksi menyekat jalan laluan lori balak sejak 27 September yang lalu, demi menghalang pembalakan berleluasa yang mengancam kehidupan masyarakat Orang Asli.

Sebanyak 3 *blockade* (sekatan jalan) telah diwujudkan oleh masyarakat Orang Asli yang menduduki di kawasan Kuala Betis, Gua Musang. Sekatan jalan tersebut didirikan di:

1. Simpang Petei berhampiran dengan Pos Gob
2. Betau Cawas berhampiran dengan Pos Bihai
3. Kelawong di Pos Pasik

Sekatan jalan didirikan untuk menghalang laluan lori pengangkut balak merupakan jalan terakhir yang diambil oleh masyarakat Orang Asli untuk menghalang pihak pembalakan daripada menjalankan aktiviti



di wilayah tanah adat mereka. Walaupun sekatan jalan telah didirikan, Orang Asli di situ tetap mencuba untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk menyelesaikan masalah berkenaan. Namun, percubaan tersebut ditolak oleh Kerajaan Negeri dengan alasan bahawa Kerajaan Negeri hanya berjumpa dengan wakil-wakil Orang Asli yang berdaftar atau menyokong Kerajaan Negeri, misalnya batin-batin mukim yang dilantik oleh Kerajaan PAS dan individu Orang Asli yang menyokong Projek Ladang Rakyat. Ini telah meminggirkan suara ramai Orang Asli yang ingin melindungi tanah adat mereka daripada terus diihancurkan oleh aktiviti pembalakan komersial.

Tidak lama selepas sekatan jalan Orang Asli didirikan, pihak JPNK pula mengadakan halangan jalan untuk melarang mereka yang ingin datang menyokong Orang Asli daripada masuk ke perkampungan Orang Asli. JPNK memberikan satu notis pada 6 November yang memberitahu untuk pengosongan kawasan sekatan jalan menjelang 20 November. Namun, Orang Asli di situ telah memutuskan untuk meneruskan sekatan jalan. Akhirnya pada 29 November, pihak JPNK menjalankan operasi penangkapan dan perobohan sekatan jalan.

Pihak JPNK mendakwa bahawa Orang Asli di situ telah melanggar Akta Perhutanan 1984 kerana mencerooboh kawasan Hutan Simpan Kekal. Ini hanya alasan untuk mematahkan usaha perjuangan Orang Asli untuk mempertahankan tanah adat mereka daripada kemusnahan aktiviti pembalakan.

Sekatan jalan didirikan oleh Orang Asli kerana mereka sudah tidak dapat tahan lagi dengan kemusnahan daripada aktiviti pembalakan yang semakin berleluasa. Kerajaan Negeri Kelantan yang membenarkan syarikat pembalakan menebang hutan secara berleluasa, bukan sahaja merosakkan alam sekitar, malah juga menjejaskan kehidupan Orang Asli yang sudah menetap di situ untuk bergenerasi lamanya.

Masyarakat Orang Asli merupakan pelindung kepada hutan di negara kita. Mereka sudahpun amat lama tinggal di dalam hutan, sebelum wujudnya apa-apa kerajaan, sebelum datangnya penjajah, sebelum wujudnya Kerajaan Negeri Kelantan sekarang, dan sebelum digubal apa-apa akta yang berkaitan dengan perhutanan. Masyarakat Orang Asli selama ini sentiasa hidup secara berharmoni dengan alam sekitar dalam hutan, tetapi kemunculan golongan kapitalis yang berkomplot dengan pihak kerajaan telah mengundang kehancuran hutan dengan aktiviti pembalakan yang bermotifkan keuntungan.

Akta Perhutanan 1984 sepatutnya melindungi hutan rimba di negara kita daripada kemusnahan aktiviti bersifat komersial seperti pembalakan, tetapi sekarang digunakan untuk menindas masyarakat Orang Asli demi melindungi kepentingan tauke pembalakan.

Tijah Yok Chopil, selaku Pengerusi Jaringan Kampung Orang Asli

telah mengecam sekeras-kerasnya tindakan kerajaan Negeri Kelantan yang ternyata berat sebelah dan membela pembalakan daripada Orang Asli. Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Tijah pada 30 November yang lalu, beliau menyeru pada Kerajaan Negeri Kelantan supaya memenuhi tuntutan Orang Asli.

“Menteri Besar Kelantan perlu turun sendiri ke lapangan dan melihat sendiri kemusnahan akibat kerakusan aktiviti pembalakan. *Blockade* tersebut dibina kerana hutan dan wilayah tanah adat telah musnah. Tempat-tempat mereka mencari rezeki, sejarah, perkuburan, sungai, tanaman dan

kawasan suci telah hampir musnah keseluruhannya. Tambahan lagi, bukti atau kesan aktiviti pembalakan yang rakus ialah banjir besar di Kelantan pada tahun 2014 yang menyebabkan kemusnahan harta benda bukan saja kepada Orang Asli tetapi rakyat Kelantan secara am. Adakah Kerajaan Negeri Kelantan masih enggan menerima hakikat ini? Adakah wang ringgit hasil pembalakan lebih penting daripada nasib dan hak rakyat?” begitu katanya Tijah.

Masyarakat Orang Asli juga menuntut pada Kerajaan Negeri Kelantan supaya memberhentikan terus pengeluaran lesen pembalakan di dalam kawasan Wilayah Tanah Adat Orang Asli.

Walaupun sekatan jalan yang didirikan oleh Orang Asli dimusnahkan, tetapi mereka akan membina lagi selepas ini selagi aktiviti pembalakan yang memudaratkan kehidupan mereka itu masih berterusan. Walaupun ditahan, Orang Asli di Gua Musang tetap bersemangat tinggi untuk meneruskan perjuangan. Orang Asli di situ telah bertekad untuk membina lebih banyak lagi sekatan jalan untuk menghalang pembalakan yang berleluasa. Jika Kerajaan Negeri Kelantan benar-benar prihatin pada rakyat, maka perlulah mendengar keluhan Orang Asli yang menyekat jalan dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk memberhentikan segala kemusnahan terhadap tanah adat Orang Asli. ##

Orang Asli dan aktivis berarak di Gua Musang bersolidariti dengan mereka yang ditahan.



Polis dikerahkan untuk membantu JPNK dalam perobohan sekatan jalan Orang Asli.

Tuhan kamu bukan Allah tapi kapitalisme

(Berikut ialah sepucuk surat luahan hati oleh salah seorang Orang Asli Kelantan yang ditulisnya selepas dibebaskan daripada penahanan atas sebab membuat sekatan jalan menghalang pembalakan di Gua Musang.)

Kamu marah bila kami panggil wilayah kami sebagai tanah adat. Tapi kamu tolak permohonan kami walau tanah TOL pun! Walau kami dah duduk situ zaman sebelum orang putih. Kubur kami usia ribu tahun.

Kalau kamu luluskan tol, kami panggil tanah kami tanah tol, lulus geran, kami panggil tanah kami berteran!

Kamu kata cadangan dah lulus. Belas tahun kami dengar alasan itu. Kenapa tak warta? Kenapa tak buat? Guna alasan kampung lain yang luluskah? Guna penghulu tanpa kampung yang dapat gaji kerajaankah? Berpuluh lagi kampung kami susah sangatkah nak susun semula? Wartakan, bagi geran. Kalau tuntutan kami tidak tepat, betulkanlah, berundinglah, takut jubah kotorkah?

Kamu suruh patuh undang-undang tapi undang-undang kamu yang buat. Undang-undang kamu lindungi siapa? Syarikat Singapurakah? Syarikat Taiwankah?

Jangan jual agama kepada kami. Tuhan kamu bukan Allah tapi kapitalisme. Kamu yang tentukan siapa yang boleh tanam sayur siapa tak boleh, siapa boleh tebang pokok, siapa tak boleh. Kalau potong tangan hudud pun, kamu yang tentukan siapa kena, siapa terlepas, siapa pencuri, siapa bukan?

Jangan bawa cerita nabi pada kami. Kenapa kamu tidak susah macam nabi? Kamu susahkan orang lain pula. Cuba kamu hidup 24 jam di tempat kami. Minum air kami yang

kamu kotorkan. Buat susu bayi kamu guna sungai kami yang kamu cemarkan racun itu. Basuh baju keluarga kamu. Takut nyamuk, takut pacat, atau takut racun?" ##



Hentikan rampasan tanah Orang Asli



Pada 10 November yang lalu, wakil daripada PSM dan kumpulan masyarakat sivil telah menyerahkan satu memorandum mengenai masalah Orang Asli kepada Kerajaan Negeri Kelantan di Kota Bharu.

Sebanyak 28 buah organisasi telah menandatangani memorandum kepada Kerajaan Kelantan ini.

Berikut adalah isi kandungan memorandum tersebut:

Kami daripada kumpulan-kumpulan masyarakat sivil dan NGO yang menandatangani Memorandum ini, ingin membawa isu tanah adat Orang Asli kepada perhatian Kerajaan Negeri Kelantan.

Isu perampasan tanah adat Orang Asli melalui penerokaan tanah oleh syarikat pertanian dan konsesi pembalakan telah lama berlangsung dan kini telah mencapai suatu tahap yang kritikal.

Pembalakan berskala besar sedang memusnahkan ekonomi tradisi Orang Asli – produk hutan dimusnahkan, binatang buruan dihalau dari kawasan, air sungai dicemari dengan lumpur dan ikan sungai amat berkurangan.

Walaupun pelbagai aduan dibuat kepada pejabat daerah dan Kerajaan Negeri Kelantan, tetapi tiada tindakan yang menghentikan pencerobohan tanah adat ini sehingga kini. Kami juga telah diberitahu oleh Jaringan Kampung-kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK) bahawa

- JKOAK pernah menyerahkan Memorandum kepada Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Abdullah pada 23 Julai 2014, dan beliau telah berjanji menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat aduan dan permohonan masyarakat Orang Asli Negeri Kelantan. Tetapi sampai sekarang

tiada sebarang maklum balas berkaitan jawatankuasa ini. Sehingga sekarang pihak JKOAK belum dijemput untuk khidmat dalam jawatankuasa tersebut.

Pemberian tanah yang amat berhampiran dengan kampung-kampung Orang Asli sedang berterusan. Umpamanya, di beberapa kampung di Lojing, Daerah Gua Musang, projek pertanian komersial sedang dijalankan 50 meter dari rumah-rumah Orang Asli. Sesetengah projek ini dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan negeri Kelantan sendiri seperti Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) dan Tabung Amanah Tok Kenali (TATOK).

Pandangan masyarakat Orang Asli tidak diambilkira sebelum sesuatu projek pertanian komersial ataupun konsesi pembalakan diluluskan berhampiran dengan kampung-kampung mereka.

Setelah usaha rasmi gagal menghentikan pencerobohan ini, maka penduduk daripada 33 buah kampung Orang Asli di kawasan Pos Gob / Pos Simpor, Gua Musang, telah memulakan suatu "blockade" (sekatan jalan) mulai 28 September yang lalu terhadap lori-lori kayu balak kepunyaan dua syarikat balak yang dianugerahkan lesen pembalakan di kawasan itu. Kami difahamkan bahawa masyarakat Orang Asli telah mengambil tindakan ini kerana tiada perkembangan terhadap permohonan mereka untuk mewartakan tanah adat mereka.

Kami dapat tahu melalui surat khabar tempatan bahawa

- Pada 28 September 2016 (iaitu hari pertama blockade), tiga orang anggota polis daripada IPD Gua Musang telah mengiringi pihak pembalak ke lokasi blockade dan telah mengugut dan menangkap tiga orang pemimpin Orang Asli.

- Pada 3 Oktober 2016, Kerajaan Negeri telah bertindak untuk menghentikan pembalakan di kawasan Pos Tohoi / Pos Simpor buat sementara waktu. Keputusan ini telah disampaikan melalui Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK), Zahari Ibrahim.

- Pada 11 Oktober 2016, Pengarah JPNK, Zahari Ibrahim telah mengarahkan untuk memulakan blockade JPNK demi menyekat memasuki orang luar ke kawasan blockade Orang Asli.

- Selepas itu, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengeluarkan kenyataan bahawa aksi Orang Asli Pos Tohoi / Pos Simpor adalah hasil hasutan oleh pihak-pihak luar dan permohonan masyarakat Orang Asli adalah tidak munasabah kerana memohon kawasan yang terlalu luas.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab untuk menghormati tuntutan tanah adat Orang Asli dan juga cara hidup mereka kerana Fasal 8(5)(c) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan bahawa Kerajaan boleh menggubal undang-undang untuk "perlindungan, kesentosaan dan kemajuan" Orang Asli, termasuk merizabkan tanah.

Ini seharusnya difahami bahawa Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Semenanjung Malaysia mempunyai tanggungjawab fidusiari/amanah untuk memastikan hak-hak Orang Asli, terutama berkaitan tanah adat,

diberi perhatian sewajarnya.

Tambahannya pula, Fasal 26 Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa Orang Asli/Asal mempunyai hak ke atas tanah, wilayah dan sumber yang dimiliki atau diduduki atau yang digunakan atau diperolehi oleh mereka secara tradisional. Artikel ini juga menyatakan bahawa kerajaan harus memberi pengiktirafan dan perlindungan undang-undang ke atas tanah, wilayah dan sumber tersebut dengan memberi penghormatan sewajarnya ke atas adat resam, tradisi dan sistem pemegangan tanah Orang Asli/Asal yang berkenaan.

Justeru, kumpulan-kumpulan yang tandatangani memorandum ini ingin mengesyorkan supaya:

1. Lesen pembalakan untuk kawasan Pos Gob / Pos Simpor dibatalkan.
2. Blockade yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan diberhentikan.
3. Rundungan segera diadakan dengan masyarakat Orang Asli di kawasan blockade untuk mencari satu penyelesaian yang adil. Menjemput Jaringan Orang Asli Kelantan menyertai proses perundingan ini.
4. Satu polisi mesra rakyat digubal supaya kawasan tanah adat dapat diwartakan untuk setiap kampung Orang Asli di Kelantan. ##



Pendirian berprinsip PSM terhadap RUU 355

1. Adalah hak setiap komuniti di Malaysia untuk menentukan kaedah komuniti itu ingin mengamalkan agamanya. Tetapi, setiap komuniti juga bertanggungjawab untuk memastikan amalan agamanya tidak menjejaskan atau menyekat hak-hak komuniti-komuniti yang lain.

2. Berdasarkan pada prinsip perkara 1 di atas, jika masyarakat Islam di Malaysia percaya bahawa memperkasakan kuasa Mahkamah Syariah adalah sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai Umat Islam, komuniti lain harus mengelak daripada menghalang mereka.

3. Komuniti-komuniti bukan Islam berhak untuk

 - Diberitahu tentang implikasi kelulusan RUU 355 terhadap mereka;
 - Memohon supaya hak dan kebebasan mereka tidak terjejas;
 - Memohon mekanisme yang boleh mengendalikan pertindihan antara sistem mahkamah Syariah dengan sistem mahkamah sivil secara yang adil dan lancar jika berlakunya pertindihan.

4. Penyokong RUU 355 harus sedar bahawa komuniti-komuniti bukan Islam khuatir tentang hak mereka akan dicabuli. Perasaan kekhuatiran ini adalah berkaitan dengan beberapa insiden dan isu yang telah timbul sebelum ini, umpamanya:

 - Kes Indira Gandhi di mana suaminya dibenarkan oleh sistem Syariah untuk menukarkan agama anak mereka tanpa pengetahuan dan izin Indira;
 - Isu Kalimah Allah;
- Masalah yang dihadapi oleh mereka yang ingin memperbetulkan tafsiran mereka sebagai Muslim dalam kad pengenalan kerana mereka telah mengamalkan agama yang lain sejak kecil lagi;
 - Insiden-insiden rampasan mayat oleh Jabatan Agama;
 - Dan lain-lain lagi.

5. Penyokong RUU 355 juga harus sedar bahawa adanya orang beragama Islam yang khuatir pemerkasaan kuasa mahkamah Syariah akan menyusahkan mereka. Mereka khuatir bahawa institusi agama Islam yang wujud sekarang belum cukup matang untuk mengendalikan kepelbagaian dalam kefahaman agama dalam masyarakat Islam di Malaysia. Mereka takut mereka akan ditekan dan dianiayai jika pindaan RUU 355 diluluskan.

6. Antara keraguan mereka adalah kemungkinan Fasal 23 dalam Enakmen Hudud Kelantan berkaitan Irtidat akan diperbolehkan oleh RUU 355. Mengikut fasal ini, sesiapa yang dengan sengaja, tanpa dipaksa, melakukan sesuatu ataupun mengatakan sesuatu yang bertentangan dengan Rukun Islam, Rukun Imam atau perkara Halal/Haram akan dianggap sebagai seorang yang melakukan kesalahan Irtidat dan boleh dipenjarakan untuk jangka masa seperti ditentukan oleh Mahkamah Syariah dan hartanya boleh dirampas.

Ada orang beragama Islam yang merasakan definisi Irtidat adalah terlalu longgar dan mungkin akan membawa kepada penindasan
- terhadap mereka yang berlainan sedikit dalam fahaman.

7. Cara yang terbaik untuk mengendalikan kekhuatiran dan keraguan yang digariskan dalam perkara 4, 5 dan 6 di atas, adalah melalui perbincangan. Antara beberapa perkara yang disentuh boleh diselesaikan jika kita duduk berbincang.

8. Oleh kerana ini, pada 22 September yang lalu, saya telah mengemukakan satu usul dalam Dewan Rakyat untuk menunda pengundian terhadap RUU 355 supaya proses penerangan dan perbincangan boleh dilaksanakan. Malangnya, usul saya ditolak oleh Yang Di-Pertua Dewan.

9. PSM berpendapat bahawa keputusan membawa RUU 355 ke Dewan Rakyat untuk diundi tanpa mengadakan proses perbincangan yang mendalam terlebih dahulu adalah satu tindakan kurang bertanggungjawab yang berpotensi memecah-belahkan masyarakat majmuk kita. PSM berpendapat bahawa keputusan untuk memaksa pengundian terhadap usul ini adalah didorong oleh keperluan politik kelompok tertinggi di UMNO.

10. PSM menyeru rakyat Malaysia untuk bertenang. Rakyat Malaysia harus bekerjasama untuk memastikan permainan politik UMNO tidak menyebabkan ketegangan antara kaum dan agama di Malaysia.

11. Rakyat Malaysia harus memahami prosesnya -
- Jika usul Dato Seri Hadi Awang menerima 51% undi dalam sesi pengundian, RUU 355 akan dirujuk ke suatu jawatankuasa khas yang akan mengubahsuai dan membaikinya.
 - Komuniti bukan Islam mempunyai hak untuk memohon perbincangan dengan jawatankuasa tersebut untuk mengemukakan kekhuatiran yang ada pada mereka.
 - Perbahasan terhadap RUU 355 tidak akan berlangsung pada sesi parlimen ini. Bacaan kedua mungkin akan berlaku pada sesi parlimen yang lain.
 - Kelulusan RUU 355 tidak akan membawa kepada pemotongan tangan.

12. Rakyat Malaysia harus memahami bahawa pihak atasan sentiasa mencuba untuk memecah-belahkan kita supaya mereka dapat terus berkuasa. Pihak penjajah British telah menggunakan perkauman untuk memecahkan perpaduan rakyat yang berjuang untuk kemerdekaan. Elit politik UMNO sedang cuba menggunakan agama untuk memecah-belahkan kita dan terus berkuasa. Kita harus membincangkan isu ini, tetapi kita mesti berjaga-jaga dengan hujah kita supaya tidak menyakiti hati pihak-pihak lain. Ini tanggungjawab kita semua. Dan jika pemimpin parti-parti politik memakai perkataan yang boleh menyakiti pihak lain, kita bertanggungjawab untuk menegur dan memberhentikan mereka.

(oleh Dr. Jeyakumar Devaraj)

Peruntukan kerajaan untuk pupuk usahawan atau untuk rakyat marhaen?

- (Berikut adalah hujah yang dikemukakan oleh Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen Sungai Siput, semasa mencelah perbahasan Ahli Parlimen Klang berkenaan dengan Bajet Kementerian Kesihatan di Dewan Rakyat, pada 15 November 2016. Dr. Jeyakumar tidak mendapat peluang untuk memberikan ucapan perbahasan dalam sesi tersebut, maka terpaksa mencelah dalam perbahasan ahli parlimen yang lain.)

Mengenai isu kekurangan dana untuk Kementerian Kesihatan, saya ingin tanya - adakah prosedur perolehan yang digunakan sekarang untuk perolehan ubat, barangan medikal dan juga perkhidmatan sokongan, yang merupakan punca utama bajet Kementerian tidak mencukupi?
- keuntungan yang tinggi.

Apabila kita tengok bajet Kementerian Kesihatan – RM 23.5 bilion. Namun, bukan semua jumlah ini digunakan untuk menjaga pesakit. Sebahagian besar daripadanya sebenarnya digunakan untuk menjana pasaran untuk pembekal-pembekal dan kontraktor Bumiputra yang terpilih. Daripada RM 23.5 bilion, RM8.6 bilion adalah untuk perolehan Perkhidmatan dan Bekalan yang diperolehi melalui peniaga Bumiputra. Berapakah ketirisan yang berlaku kepada bajet kesihatan kerana polisi ini?
- Umpamanya, RM 2 bilion akan digunakan pada tahun 2017 untuk membayar 3 buah syarikat swasta yang membekalkan lima jenis perkhidmatan sokongan di hospital-hospital awam – seperti dobi mencuci kain, pembersihan hospital dan lain-lain lagi. Tetapi jika 5 perkhidmatan sokongan ini dilaksanakan secara dalaman (dengan kakitangan kerajaan), “in-house”, mungkin kementerian boleh menjimatkan RM 0.5 bilion.

Jadi, saya ingin tanya pada Menteri, berapakah bahagian daripada bajet kesihatan yang digunakan untuk memupuk usahawan Bumiputra?
- Saya tidak bantah bahawa Kerajaan ada tugas untuk membina usahawan Bumiputra. Pemerkasaan usahawan Bumiputra harus diletakkan sebagai satu antara agenda ekonomi negara. Tetapi, kita harus sedar bahawa apabila kita menggunakan bajet kesihatan untuk memupuk usahawan Bumiputra, perkhidmatan perubatan untuk golongan B40 kita, dan majoritinya juga kaum Bumiputra daripada golongan berpendapatan rendah itu akan turut terjejas. Kita mesti sedar akan ini.

Saya harap Menteri boleh respon pada analisa ini. ##

Umpamanya, RM 1.6 bilion diperuntukkan bagi membeli ubat untuk hospital-hospital kerajaan pada tahun 2016. Apakah nilai sebenar ubat yang diperolehi dengan RM 1.6 bilion itu? Ini kerana jika bekalan ubat dibeli melalui syarikat-syarikat pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan, maka kos ubat ini adalah lebih tinggi daripada kos ubat yang diperolehi dari kedai farmasi swasta yang lain. Tetapi, kos ini boleh dikurangkan apabila sebuah syarikat membeli dengan kuantiti yang besar. Maka syarikat yang membekal untuk kerajaan ini dengan mudah menikmati kadar



Bekas pekerja Ladang Sungai Belata desak pemaju tunaikan janji bina rumah



Selepas 23 tahun pekerja di Ladang Sungai Belata diberhentikan kerja, dan 15 tahun sudah berlalu setelah perjanjian jual beli rumah ditandatangani, rumah masih tidak dibina oleh anak syarikat Land and General Berhad untuk bekas pekerja yang berkenaan. Oleh yang demikian, para bekas pekerja dari Ladang Sungai Belata, Hulu Selangor, telah mengadakan satu aksi protes di hadapan ibu pejabat syarikat Land and General Berhad pada 1 Disember yang lalu, untuk mendesak supaya janji pembinaan rumah yang telah tertangguh sekian lama itu ditunaikan.

Bekas pekerja Ladang Sungai Belata ingin mendapatkan status terkini

tentang pembinaan 64 buah rumah teres kos rendah dan empat kedai kos rendah serta kuil, dewan orang ramai, kubur dan sekolah rendah yang telah dijanjikan oleh Syarikat Lembah Beringin Sdn Bhd, anak syarikat Land and General Bhd.

Pada tahun 2001, perjanjian jual beli (S&P) telah ditandatangani antara bekas pekerja Ladang Sungai Belata atau waris mereka yang berjumlah seramai 64 orang dengan Lembah Beringin Sdn Bhd.

Kini, sudah berlalunya 15 tahun tetapi rumah yang dijanjikan kepada bekas pekerja Ladang Sungai Belata masih belum dibina. Para bekas pekerja

ladang ini memerlukan jawapan mengenai status perumahan yang telah ditandatangani dalam perjanjian S&P dan juga apa penyelesaian untuk mereka yang telah membuat pinjaman daripada pihak bank.

Pihak bekas pekerja ladang telah menghantar surat kepada syarikat Land and General Bhd sebelum ini untuk menanya beberapa persoalan dan mengemukakan tuntutan mereka, tetapi tidak mendapat sebarang maklum balas yang memuaskan.

Para bekas pekerja Ladang Sungai Belata amat terperanjat apabila mengetahui bahawa Land and General Bhd amat giat menjalankan projek baru tetapi masih belum membina rumah untuk pekerja dengan alasan syarikat mufis. Para pekerja berasa mereka ditipu oleh Land and General Bhd selama ini. Land and General Bhd memang mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah perumahan di Ladang Sungai Belata.

Tuntutan bekas pekerja Ladang Sungai Belata adalah:

1. Rumah yang dijanjikan 20 tahun dahulu perlu dibina dengan segera.
2. Dimaklumkan mengenai status sebenar tentang projek perumahan yang telah

ditandatangani dalam S&P dan juga status tanah, kuil, dewan orang ramai, kubur dan sekolah tamil yang dijanjikan.

Para bekas pekerja Ladang Sungai Belata telah menyatakan hasrat mereka yang bersiap sedia untuk menyelesaikan masalah ini. Jawatankuasa yang terdiri daripada majoriti penduduk Ladang Sungai Belata mempunyai mandat yang cukup untuk berurusan dengan Land and General Bhd berkenaan masalah ini sehingga selesai.

Hasrat para bekas pekerja Ladang Sungai Belata adalah masalah perumahan mereka akan diselesaikan dengan segera dan diberikan hak mereka seperti yang dijanjikan. Bekas pekerja ladang ini telah memberikan sumbangan kepada perkembangan dan pembangunan negara. Sumbangan ini harus dihormati dan diberi layanan yang setimpal. ##



Di mana sembunyiannya peruntukan untuk ibu tunggal berpendapatan rendah?

Respon Jaringan Ibu Tunggal terhadap Bajet 2017

(Berikut ialah kenyataan akhbar yang dikeluarkan pada 24 Oktober yang lalu oleh Veronica Anne Retnam, Penyelaras Jaringan Rakan Ibu Tunggal merangkap Penyelaras Meja Wanita dan Gender PSM, sebagai respon terhadap Bajet 2017.)

Jaringan Rakan Ibu Tunggal amat hampa dengan sikap kerajaan yang seolah-olah pekak dan bisu terhadap suara kaum ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM 1500 sebulan di seluruh negara.

Jaringan Rakan Ibu Tunggal yang terdiri daripada pelbagai NGO wanita and aktivis hak wanita amat kecewa dengan Bajet 2017 yang dibentangkan pada 21 Oktober yang lalu. Ini kerana:

- Tiada bantuan untuk ibu tunggal berpendapatan kurang daripada RM 1500 sebulan.
- Mengikut Bajet 2017, bantuan kanak-kanak tertinggi adalah RM 450 sebulan. Tiada kenaikan satu sen pun

jika dibanding dengan bantuan kanak-kanak sedia ada; masih RM 450 sebagai jumlah bantuan tertinggi.

- Peningkatan bantuan am dialu-alukan, tetapi apakah kelayakan yang dipertimbangkan? Gambaran yang diberikan dalam laporan akhbar *The Star* (22/10/2016) adalah, bantuan untuk keluarga di bawah pendapatan RM 3000 sebulan, tetapi situasi sebenarnya ialah ramai keluarga ibu tunggal yang berpendapatan kurang RM 1000 pun susah memperoleh bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

- Penjagaan untuk kanak-kanak berumur kurang 10 tahun daripada keluarga ibu tunggal adalah amat diperlukan dengan kadar segera, tetapi tidak diberi peruntukan dalam bajet ini. Peruntukan RM 85 juta untuk PERMATA hanya untuk segelintir kanak-kanak sahaja.

- Pelepasan cukai RM 1000 untuk yuran TASKA dan tadika itu adalah sesuatu yang baik dan faedah yang sama harus dihulurkan kepada

keluarga B40 melalui skim subsidi yuran Taska dan Tadika.

- Bilangan rumah 5000 unit dengan syarat adanya tanah sendiri/peruntukan tanah kerajaan adalah di luar kemampuan golongan ibu tunggal. Lagi pun, keluarga miskin kota mana yang mempunyai tanah sendiri ?

Bajet ini untuk siapa?

Apa terjadi kepada perbelanjaan terperinci yang dikemukakan oleh Jaringan Rakan Ibu Tunggal kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, bersama dengan syor-syor asas pada 25 Februari dan 16 Jun 2016 yang lalu?

Antara yang disyorkan:

- Perlindungan untuk setiap kanak-kanak miskin melalui tempat selamat, makanan seimbang dan bantuan berkaitan dengan pembelajaran seperti tuisyen semasa ibu tunggal berada di tempat kerja akan memperkasakan

masyarakat dan menjadi benteng kepada masalah ponteng sekolah, buli dan sebagainya.

- Sewa yang rendah serta subsidi pembelian rumah untuk ibu tunggal.

- Pusat Aktiviti Kanak-kanak di setiap kawasan rumah kos rendah oleh JKM, termasuk dengan Pegawai Psikologi.

Kepentingan yang terutama dalam peruntukan awam sepatutnya adalah untuk masyarakat miskin. Angka Jabatan Statistik 2010 menyatakan bahawa wujudnya 830,000 orang ibu tunggal. Jika diandaikan 20% daripada golongan ini berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan, maka bantuan dimestikan untuk 166,000 orang ibu tunggal dan anak mereka. Jangan gadaikan hidup golongan ini.

Bajet 2017 memang gagal menangani permasalahan untuk kaum ibu tunggal. ##

Skim Pesakit Bayar Penuh ancam sistem kesihatan awam

Kementerian Kesihatan telah mengumumkan bahawa Skim Perkidmatan Pesakit Bayar Penuh akan dilanjutkan ke 8 buah hospital bermula bulan Januari 2017. Pada takat ini, skim Pesakit Bayar Penuh ini hanya dilaksanakan di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Mulai Januari 2017, skim ini akan dilanjutkan ke Hospital Besar di Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Klang, Kuantan, Temerloh, Kuala Terengganu dan Kota Bharu.

PSM membantah keputusan ini kerana:

- Pada takat ini, hanya 30% daripada doktor pakar dengan pengalaman 5 tahun ke atas berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan. Yang bakinya 70% berkhidmat di sektor swasta.

- Namun, 70% daripada pesakit yang memerlukan rawatan di dalam hospital adalah dirawat di hospital-hospital kerajaan. Jadi 30% doktor pakar menjaga 70% pesakit. Itulah sebabnya, senarai menunggu untuk temujanji berjumpa pakar di hospital kerajaan adalah panjang, dan prosedur-prosedur seperti angiogram untuk jantung ataupun pembedahan buah pinggan dan pembedahan besar lain tidak boleh dilakukan dengan segera. Senarai menunggu adalah

panjang kerana pakar tidak mencukupi di sektor awam.

- Kami khuatir bahawa perhatian doktor pakar kerajaan akan dipesongkan oleh Skim Pesakit Bayar Penuh ini dan kualiti rawatan pesakit biasa (yang tidak membayar) akan merosot.

Gabungan Membantah Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan (GMPPK), sebuah jaringan organisasi-organisasi masyarakat yang disertai oleh PSM, telah menghantar surat kepada Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan untuk memohon perbincangan sebelum keputusan ini dilaksanakan. Tetapi sampai sekarang, tiada respon daripada pihak Kementerian.

Apakah dia Skim Pesakit Bayar Penuh?

Di Hospital Selayang, sesiapa doktor pakar yang berminat boleh, selepas 5 petang pada hari biasa, menggunakan bilik klinik, unit skop dan dewan pembedahan di hospital itu untuk merawat pesakit yang dikenakan bayaran seperti di hospital swasta. Sesi perkhidmatan swasta ini adalah dari 5 petang hingga 9 malam, dan juga pada hari Sabtu dari pagi ke petang.

Antara alasan yang diberikan oleh kerajaan untuk melaksanakan skim ini adalah meningkatkan pendapatan doktor-doktor pakar di hospital kerajaan supaya mereka tidak berhijrah ke hospital swasta.

Batasan pendapatan yang diperoleh melalui skim ini adalah pendapatan maksimum dua kali ganda daripada gaji asal doktor pakar itu. Katakan gaji yang dibayar oleh kerajaan kepada doktor pakar itu adalah RM 15,000 sebulan. Doktor itu boleh melibatkan diri dalam skim ini untuk menambahkan pendapatannya melalui punca ini sampai tahap RM 30,000 sebulan.

Persoalannya – adakah kerja 4 atau 5 jam “lebih masa” setiap hari seperti ini akan menjejaskan prestasi doktor pakar ini dalam menjaga pesakit biasa (yang tidak membayar) di hospital kerajaan?

Skim Pesakit Bayar Penuh tidak selesai masalah

Pelaksanaan Skim Perkidmatan Pesakit Bayar Penuh tidak akan dapat menyelesaikan masalah penghijrahan doktor dari sektor awam ke sektor swasta secara berkesan. Sebaliknya, rakyat biasa yang akan menanggung akibat kemerosotan

dalam perkhidmatan kesihatan awam.

Syor PSM untuk mengendalikan masalah penghijrahan doktor pakar dari hospital kerajaan ke sektor swasta:

1. Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan yang berasingan untuk kakitangan Kementerian Kesihatan. Sekarang mereka tergolong sama seperti kakitangan kerajaan yang lain dan dibayar gaji mengikut penetapan skala gaji Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

2. Membayar gaji kakitangan hospital dan klinik kerajaan mengikut sistem gaji dan ganjaran seperti yang diamalkan di Institut Jantung Negara.

3. Amalkan sistem “sabatikal” seperti di Universiti di mana profesor diberi cuti bergaji penuh selama 3 bulan setiap 5 tahun perkhidmatan untuk pergi dan melibatkan diri di institusi pengajian di luar negeri supaya mempelajari idea dan teknik baru.

4. Bekukan pembinaan hospital swasta. Jangan membenarkan hospital swasta baru ataupun perluasan hospital swasta yang sedia ada. Ini kerana perkembangan sektor swasta merupakan sebab utama pakar kerajaan berhijrah. ##

Harus berwaspada dengan hutang RM 100 bilion

(Berikut adalah teks ucapan Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen Sungai Siput, semasa membahaskan Bajet Kementerian Pengangkutan pada 15 November 2016.)

Saya ingin fokus pada Butiran 0103000 – Perancangan Strategik. Saya ingin menyentuh tentang projek Landasan Keretapi Pantai Timur, iaitu *East Coast Rail Line Project* (ECRL), sebuah projek landasan keretapi sepanjang 600 km dari Kuala Lumpur ke Tumpat melalui Kuantan dan Kuala Terengganu, yang dijangka memakan perbelanjaan sebanyak RM 55 bilion.

Projek gergasi ini memang akan memacu ekonomi Malaysia untuk 5 tahun yang akan datang. Ini kerana duit yang dipakai dalam pembinaan akan menjana permintaan kasar dan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negara kita. Tetapi, RM 55 bilion itu adalah satu pinjaman. Kita kena bayar balik. Bagaimanakah kita akan bayar balik? Adakah daripada hasil tambang pengguna ECRL ini?

Apabila kita rujuk kepada akaun Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), kita dapati bahawa KTMB tidak memperolehi pendapatan bersih daripada kegiatannya. Saya baru baca satu rencana di *New Strait Times Online*. Rencana ini baru dimuatnaikkan semalam, iaitu 14 November 2016. Tajuknya adalah

“*KTMB upbeat on breaking even this financial year*”. Rencana ini mengatakan bahawa KTMB perlu menjana pulangan atau pusing ganti (*turn-over*) sebanyak RM 600 juta untuk menampung semua kos operasinya ataupun “*break even*”. Rencana ini menyatakan bahawa KTMB telah mengalami kerugian untuk 20 tahun yang lalu, tetapi tahun ini dijangka akan mencapai pusing ganti sebanyak antara RM 500 juta dan RM 600 juta.

Jadi, jika laluan keretapi Pantai Barat, yang semestinya menikmati permintaan yang lebih tinggi berbanding dengan laluan landasan keretapi di Pantai Timur, tidak dapat menjana keuntungan, bagaimana pula dengan ECRL yang dicadangkan ini? Jika hasil tambang ECRL tidak mencukupi, adakah kerajaan bercadang menggunakan dana wang yang dipersatukan ataupun *Consolidated Fund* untuk buat bayaran pinjaman ini? Ini bukan salah, kerana ECRL ini akan menjana perkembangan ekonomi di Pantai Timur dan akan membawa kepada peningkatan cukai individu dan korporat ke *Consolidated Fund*.

Di manakah perincian untuk menjustifikasikan projek ini? Apakah anggaran penambahan cukai yang diperolehi daripada perkembangan ekonomi rantau Pantai Timur ekor

pembinaan ECRL ini? Kerajaan harus maklumkan kepada rakyat Malaysia, anggaran dan perkiraan yang jelas berkenaan isu-isu ini.

Kerajaan Pusat juga harus memberitahu kita apakah terma bayaran pinjaman RM 55 bilion yang akan diberi oleh negara China. Kita diberitahu bahawa tiada bayaran dikenakan untuk 6 tahun yang pertama. Tetapi apakah kadar faedah yang akan dikenakan? Berapakah bayaran yang perlu diselesaikan mulai tahun ketujuh dan ke atas? Apakah tempoh pembayaran yang dipersetujui? Adakah persetujuan bayaran balik pinjaman ini berkait dengan pemberian tanah negara kita kepada syarikat negara China?

RM 55 bilion bukan satu jumlah yang kecil. Ia merupakan 20% daripada Bajet Persekutuan kita pada takat ini. Apabila dicampur dengan faedah yang kena dibayar, mungkin jumlahnya akan mencecah RM 100 bilion. Ini akan terpaksa dibayar balik oleh masyarakat Malaysia sehingga anak cucu kita. Oleh itu, kita harus berwaspada agar tidak membebankan generasi yang akan datang dengan hutang yang besar.

Apabila pihak penjajah British membina landasan keretapi, mereka mulakan landasan keretapi ke Kelantan di Gemas. Ini kerana

Gemas itu adalah selatan pada Banjaran Titiwangsa. Jadi, mereka cuba mengelakkan daripada melintasi Banjaran Titiwangsa kerana ianya memerlukan terowong-terowong panjang dan berkos tinggi.

Bolehkah kerajaan memberitahu pecahan kos projek ECRL ini? Berapakah kos sebahagian laluan dari Kuala Lumpur ke Bentong yang melintasi Banjaran Titiwangsa? Berapakah kos daripada Mentakab ke Tumpat melalui Kuantan?

Kenapa tidak saja diusahakan laluan dari Mentakab ke Kuantan dan terus ke Tumpat terlebih dahulu? Barangan dari Kuala Lumpur boleh dihantar ke Kuantan melalui Gemas, iaitu KL ke Gemas, kemudian Gemas Ke Mentakab mengikut Landasan Timur yang sedia ada, dan dari Mentakab ke Kuantan melalui ECRL. Buat bahagian ini dulu. Selepas itu, jika kita ada cukup dana dan hasil tambang yang menggalakkan, maka kita boleh fikirkan laluan KL ke Bentong.

Saya harap Kerajaan akan berkongsi semua fakta-fakta ini supaya rakyat Malaysia boleh ambil bahagian dalam perbincangan dan keputusan ini, kerana implikasi projek ECRL terhadap kemantapan kewangan negara adalah besar. ##

Kejutan Pilihanraya Presiden AS

Masa depan tidak menentu bakal menjelang

Pada 8 November yang lalu, Amerika Syarikat (AS) telah mengadakan pilihanraya Presiden yang ke-58 di negara tersebut. Keputusannya telah mengejutkan dunia apabila Donald Trump, calon Parti Republikan yang dianggap tidak akan menang sebelum mengundi, telah mengalahkan calon pilihan ramai daripada Parti Demokratik, Hillary Clinton.

Trump yang dikenali ramai dengan ucapannya yang penuh dengan sentimen rasis, xenofobia, seksis dan retorik populis semasa kempen pilihanraya, walaupun memperoleh undi yang kurang berbanding Hillary Clinton, tetapi masih dapat mengalahkan lawannya dengan memenangi lebih undi perwakilan pemilih.

Trump menang di 30 buah negeri, yang membawa undi perwakilan pemilih sebanyak 306, melebihi jumlah undi perwakilan pemilih yang diperlukan, iaitu 270. Hillary sekadar mampu menawan 20 buah negeri dan Washington D.C., yang hanya membawa sebanyak 232 undi perwakilan pemilih. Walau bagaimanapun, Hillary meraih sebanyak 48% undi popular (melebihi 65 juta undi), lebih banyak daripada Trump yang hanya mendapat 46.2% undi popular (bersamaan lebih kurang 63 juta undi). Trump menjadi orang yang kelima dalam sejarah pilihanraya presiden AS yang menang dengan undi popular yang kurang daripada lawannya. Kali terakhir wujudnya keadaan sebegini adalah pilihanraya Presiden AS pada tahun 2000, apabila George W. Bush yang hanya mendapat 47.9% undi mengalahkan Al Gore yang memperoleh 48.4% undi.

Kemenangan Trump memang mengejutkan dunia, kerana media arus perdana di AS telah memberi gambaran bahawa Hillary pasti akan menang sedangkan keputusannya amat berbeza. Ini merupakan satu tamparan hebat kepada golongan elit berkuasa yang menguasai Washington. Walau bagaimanapun, Trump yang dianggap sebagai “orang luar” yang tiada pengalaman dalam politik, sebenarnya juga merupakan sebahagian daripada kelas kapitalis AS kerana dia memiliki empayar perniagaan yang tersebar luas dan mempunyai hubungan rapat dengan elit politik AS. Oleh itu, Trump sebagai “orang luar” yang mencabar kekuasaan elit pemerintah di Washington dan Wall Street itu hanya sekadar mitos.

Sistem pilihanraya yang ketinggalan zaman

Kewujudan sistem badan perwakilan pemilih dalam pilihanraya presiden AS telah membantu dalam kemenangan Trump.

Sejak negara AS ditubuhkan, sistem ini telah digunakan dalam pengiraan undi untuk setiap kali pilihanraya presidennya. Selain negeri Maine dan Nebraska yang menggunakan pengiraan undi mengikut kawasan pengundian anggota Kongres, 48 buah negeri yang lain menggunakan sistem pengundian oleh perwakilan pemilih yang berasaskan “pemenang mendapat semua undi”. Setiap negeri merupakan satu unit badan perwakilan pemilih. Setiap unit badan perwakilan pemilih mempunyai undi yang berbeza mengikut bilangan penduduknya. Misalnya, California mempunyai 55 undi perwakilan pemilih, manakala Delaware hanya mempunyai 3 undi perwakilan pemilih. Namun, mana-mana calon presiden yang mendapat undi yang paling banyak secara relatif dalam sesebuah negeri itu, akan mendapat semua undi perwakilan pemilih yang dipegang oleh negeri itu.

Sistem perwakilan pemilih ini merupakan pemilihan secara tidak langsung, dan bukannya berasaskan prinsip “seorang pengundi satu undi” yang biasa digunakan dalam pilihanraya yang demokratik. Ini telah menyebabkan terjadinya situasi di mana Presiden yang dipilih itu sebenarnya tidak mendapat sokongan undi popular yang terbanyak. Memang menjadi ironi untuk sebuah negara yang bergelar teladan demokrasi di dunia mempunyai satu sistem pilihanraya yang ketinggalan zaman dan tidak berasaskan prinsip demokrasi yang sebenar.

Ketidakpuashatian rakyat kelas menengah dan bawahan

Ucapan Trump yang penuh dengan penggunaan kata-kata dan ayat-ayat yang bersifat rasis, xenofobia, islamofobia serta diselaputi dengan teori konspirasi yang tidak berasas, telah mengundang reaksi daripada golongan kelas menengah dan bawahan (yang berkulit putih) yang semakin hari semakin tidak berpuashati dengan sistem pemerintahan yang didominasi oleh dasar-dasar neoliberal. Sejak dua dekad yang lalu, rakyat biasa di AS telah mengalami masalah tekanan hidup yang hebat, dengan gaji yang rendah, waktu kerja yang panjang, dan juga kehilangan peluang pekerjaan kerana kebanyakan industri telah berpindah ke negara yang menawarkan gaji pekerja yang lebih rendah. Anak muda juga tidak dapat melihat masa hadapan mereka.

Dasar ekonomi neo-liberal yang diamalkan dalam tiga dekad kebelakangan ini, telah mewujudkan fenomena “yang miskin semakin miskin, yang kaya semakin kaya”. Golongan orang kaya dapat mengelakkan diri daripada membayar cukai dengan pelbagai cara, tetapi golongan orang miskin terus hidup kesusahan, dan mereka tidak mampu membayar untuk pendidikan anak-anak mereka.

Kesusahan berterusan yang dialami oleh rakyat biasa telah menyediakan satu ruang untuk penularan fahaman berhaluan kanan yang reaksioner, seperti benci kepada pendatang (xenofobia), takut pada agama Islam (islamofobia) dan menyalahkan kaum lain sebagai punca permasalahan (rasisme). Fahaman yang reaksioner ini menular apabila tiadanya alternatif kiri yang kuat untuk jadi pilihan rakyat, dan ia akan memecah-belahkan kelas bawahan dengan isu-isu yang mengkaburi mata rakyat demi memastikan golongan elit pemerintah terus berkuasa. Trump bangkit akibat kewujudan keadaan dan sentimen sebegini.

Politik sentimen yang dibawa oleh golongan kanan seperti Trump tidak akan menyedarkan rakyat bawahan tentang masalah sebenar dan bangkit melawan sistem yang tidak adil, sebaliknya hanya akan memperhebatkan konflik antara kaum dan memperkukuhkan kekuasaan golongan pemerintah, serta menjadikan rakyat biasa tiadanya keyakinan untuk mengubah nasib mereka sendiri sehingga terpaksa bergantung kepada seorang “pemimpin yang hebat”. Ini merupakan satu kemunduran dalam demokrasi di AS.

Kekalahan Hillary yang tidak dijangkakan oleh media arus perdana dan elit politik di Washington, sebenarnya merupakan satu tamparan yang hebat kepada golongan elit politik yang mengamalkan dasar neoliberal. Hillary tidak disukai ramai kerana dia dianggap sebagai jurucakap untuk kepentingan golongan elit berkuasa di AS hari ini. Dasar yang dibawa Hillary tidak semestinya lebih progresif daripada Trump, kerana Hillary merupakan seorang politikus yang paling berhaluan dalam Parti Demokratik. Puak Hillary telah menggunakan pelbagai taktik kotor untuk mengalahkan pencabarnya, Bernie Sanders, yang membawa alternatif kepada dasar neoliberal tetapi tidak disukai golongan elit politik. Apabila puak Hillary cuba menggambarkan Sanders sebagai seorang calon yang tidak mungkin menang dalam pilihanraya, Hillary sendiri dihantui dengan pelbagai skandal. Hillary sendiri merupakan sebab utama kekalahannya dalam pilihanraya Presiden AS.

Era Trump: Imperialisme AS dengan masa depan tidak menentu


Dengan Trump akan mengambilalih kuasa pemerintahan daripada Obama, dunia sedang melangkah ke dalam satu era dengan masa depan yang tidak menentu. Krisis ekonomi kapitalis sedunia semakin menjadi-jadi, dan Trump sebagai Presiden AS semestinya tidak akan dapat memperbetulkan masalah yang wujud pada hari ini.

Kemungkinan pentadbiran Trump akan mengamalkan dasar luar negara yang lebih mengasingkan diri, seperti keluar dari Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), tetapi ini tidak bermaksud negara AS akan beralih daripada peranannya sebagai kuasa imperialis yang terbesar di dunia. Perbelanjaan ketenteraan AS tidak akan berkurang. Jika negara AS tiba-tiba diserang pengganas seperti ISIS, berkemungkinan besar Trump akan melancarkan lebih banyak perang, dan rakyat sedunia yang akan menderita akibat daripadanya.

Trump langsung tidak peduli pada masalah perubahan iklim, malah tidak percaya pada penemuan sains yang membuktikan masalah serius kepada dunia ini. Ini bermakna bahawa, usaha untuk melindungi alam sekitar di peringkat dunia akan ter gugat dengan Trump sebagai Presiden AS. Perjanjian Iklim Paris tidak akan dilaksanakan oleh AS, perbelanjaan untuk pemeliharaan alam sekitar dikurangkan, penggunaan bahan api fosil terus diperkembangkan, segala ini akan membawa kepada bencana iklim dunia yang lebih serius.

Satu lagi implikasi mendalam daripada kemenangan Trump adalah, puak berhaluan kanan lampau akan menjadi semakin teruja selepas ini. Khususnya golongan kanan lampau di Eropah, dengan Fron Nasional di Perancis, Parti Alternatif di Jerman dan sebagainya sedang beria-ia untuk memenangi lebih kerusi, dan mengambilalih kuasa di negara masing-masing. Sekiranya puak berhaluan kanan lampau berkuasa, gelombang xenofobia di negara barat akan menjadi semakin serius dan membawa kepada lebih konflik. Fahaman ektremis sebagai reaksi kepada puak berhaluan lampau ini turut akan berkembang dan membawa kepada lebih banyak huru-hara.

Walaupun bagaimanapun, selepas berita kemenangan Trump tersebar luas, teretusnya gelombang membantah Trump di seluruh negara AS. Boleh diramalkan bahawa, dalam 4 tahun yang akan datang, dengan AS di bawah pemerintahan Trump, pasti akan berlakunya lebih banyak protes dan perjuangan menentang kezaliman kelas kapitalis. Ini merupakan pembukaan tirai untuk satu zaman yang penuh gelora dan perlawanan... ##



Fidel Castro (1926-2016)

Selamat jalan El Comandante



Fidel Castro, pemimpin terkenal Revolusi Kuba selain Che Guevara, telah meninggal dunia pada 25 November yang lalu di Havana pada usia 90 tahun.

Sebagai seorang anak jati Kuba, Fidel Castro telah menerima pemikiran politik berhaluan kiri yang anti-imperialis apabila beliau belajar di Universiti Havana semasa zaman mudanya. Beliau telah mengambil bahagian dalam usaha menjatuhkan pemerintahan kediktatoran Fulgencio Batista di Kuba yang merupakan sekutu rapat kepada Amerika Syarikat (AS). Pada 26 Julai 1953, Fidel Castro telah memimpin satu serangan ke atas Berek Moncada tetapi gagal. Fidel Castro dipenjarakan selama setahun sebelum dibebaskan secara pengampunan. Fidel Castro kemudiannya menjelajah ke Mexico dan menubuhkan Gerakan 26 Julai (MR-26-7), bersama dengan tokoh revolusioner seperti Ernesto Che Guevara dan adiknya Raúl Castro. Fidel Castro bersama dengan 81 orang pejuang revolusioner telah belayar kembali ke Kuba untuk melancarkan perang gerila menentang tentera Batista.

Daripada sekumpulan pejuang gerila yang berjumlah sedikit, gerakan

pembebasan yang dipimpin oleh Fidel Castro telah semakin mendapat sokongan hebat daripada rakyat Kuba. Akhirnya, tentera gerila dan gerakan rakyat pimpinan Fidel Castro berjaya menjatuhkan pemerintahan Batista dalam Revolusi Kuba pada tahun 1959.

Fidel Castro telah menjadi pemimpin utama dalam kerajaan yang ditubuhkan selepas Revolusi Kuba, berkhidmat sebagai Perdana Menteri (1959-1976) dan Presiden (1976-2008). Fidel Castro pada awalnya menyifatkan Revolusi di Kuba sebagai perjuangan pembebasan

nasional, kemudiannya beralih kepada pembinaan masyarakat baru yang berlandaskan dasar sosialis. Pendirian anti-imperialis yang diambil oleh Fidel Castro dan kerajaan Kuba selepas Revolusi amat tidak disenangi oleh AS. Kerajaan AS telah mencuba pelbagai cara untuk menggulingkan kerajaan Kuba pimpinan Fidel Castro, seperti cubaan membunuhnya, sekatan ekonomi dan kontra-revolusi. Namun, tiada satu pun percubaan tersebut berjaya. Untuk menghadapi ancaman hebat daripada negara jirannya yang merupakan kuasa besar dunia, Fidel Castro telah bersekutu dengan Kesatuan Soviet semasa zaman Perang Dingin.

Selepas kejatuhan Kesatuan Soviet, Kuba telah diasingkan lagi dengan sekatan ekonomi AS yang berterusan. Namun, rakyat Kuba dengan semangat revolusi yang tinggi telah melalui pelbagai kesusahan dalam membina sebuah negara model sosialis yang walaupun bukannya sempurna tetapi berdiri teguh berdepan dengan ancaman imperialis AS.

Walaupun Kuba mengamalkan pemerintahan satu parti seperti di

Kesatuan Soviet, dan kebebasan disekat pada satu tahap, di mana ini digunakan sebagai alasan oleh kuasa barat menyifatkan Fidel Castro sebagai seorang diktator, namun dasar sosialis yang diamalkan oleh Fidel Castro sebenarnya telah membebaskan rakyat Kuba daripada pelbagai masalah yang dialami semasa pemerintahan kediktatoran Batista yang disokong oleh AS.

Kerajaan Kuba pimpinan Fidel Castro telah mengamalkan dasar ekonomi sosialis yang membantu negara tersebut mengecapi pencapaian yang menakjubkan di kalangan negara Dunia Ketiga, walaupun menghadapi sekatan ekonomi untuk berdekad lamanya.

Antara pencapaian Kuba di bawah pentadbiran Fidel Castro adalah:

- Kuba memiliki sistem pendidikan yang paling baik di Amerika Latin.
- Seramai 130,000 orang pelajar tamat pelajaran mereka dari sekolah perubatan di Kuba sejak tahun 1961.
- Kuba telah menghantar beratus-ratus doktor dan jururawat untuk misi perubatan di Dunia Ketiga.
- Kuba merupakan satu-satunya negara di benua Amerika yang tidak wujud lagi kanak-kanak yang kurang zat pemakanan. (Negara maju seperti AS juga terletak di benua Amerika.)
- Kuba mempunyai kadar kematian kanak-kanak yang paling rendah di benua Amerika.
- Kuba merupakan negara yang pertama menghapuskan jangkitan HIV dari ibu ke anak.
- Tidak wujudnya gelandangan atau orang yang tiada rumah kediaman di Kuba.
- 54% daripada belanjawan negara Kuba digunakan untuk perkhidmatan sosial.

Sememangnya Kuba terkenal dengan kemurahan hatinya yang menghantar bantuan perubatan dan doktor-doktor ke Dunia Ketiga di mana saja perlunya bantuan sedemikian, walaupun Kuba bukannya sebuah negara yang kaya.

Revolusi Kuba yang dipimpin oleh Fidel Castro telah menjadi inspirasi kepada perjuangan pembebasan nasional di negara-negara Dunia Ketiga. Malahan, Fidel Castro juga sangat aktif dalam menyokong perjuangan anti-imperialis di seluruh dunia. Fidel Castro merupakan penyokong kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan juga perjuangan anti-apartheid di Afrika Selatan.

Selepas kejatuhan Kesatuan Soviet, Fidel Castro memimpin negaranya melalui waktu kesukaran ekonomi dengan mengamalkan dasar-dasar yang mesra alam dan menentang globalisasi neoliberal. Sekarang ini, negara Kuba mempamerkan prestasi yang cemerlang dalam perlindungan alam sekitar dan pembangunan manusia.

Fidel Castro juga mula mewujudkan kerjasama dengan kerajaan berhaluan kiri di rantau Amerika Latin pada tahun 2000-an, khususnya dengan Venezuela di bawah pimpinan Hugo Chávez dengan membentuk Pakatan Bolivarian untuk Amerika (ALBA).

Fidel Castro telah meninggalkan kita semua. Namun, beliau telah meninggalkan warisan revolusi yang amat penting dalam sejarah manusia. Fidel Castro merupakan salah seorang pejuang revolusi yang telah mengubah nasib rakyat biasa secara dasarnya, iaitu mengambilalih kuasa daripada yang berkuasa dan menyerahkan kuasa itu kepada mereka yang tidak berkuasa. Inilah satu warisan yang amat revolusioner dan akan terus menjadi inspirasi kepada rakyat tertindas untuk bangkit berjuang demi pembebasan diri dan keadilan sosial. ##





Terdapatnya sejenis kecenderungan dalam sistem kapitalis, iaitu sistem kapitalis sentiasa ingin memperluaskan pengeluaran tanpa had, memperluaskan arena persaingan untuk aktiviti-aktivitinya ke seluruh dunia, dan menganggap seluruh umat manusia itu sebagai pembeli yang berpotensi untuk komoditinya.

Maka adanya satu kontradiksi yang agak menarik, seseorang kapitalis itu suka melihat kapitalis lain menaikkan gaji pekerja, kerana gaji pekerja itu bersamaan dengan kuasa beli yang boleh membeli komoditi yang dihasilkannya. Namun, kapitalis itu tidak dapat bertolak ansur dengan kenaikan gaji pekerjanya sendiri, kerana ini akan mengurangkan keuntungannya.

Perluasan sistem ekonomi kapitalis menyebabkan terbentuknya satu struktur yang agak khusus di seluruh dunia – satu dunia menjadi satu unit ekonomi, hubungan saling bergantung setiap bahagian dalam dunia ini sangat sensitif. Di bawah ekonomi kapitalis sedunia, kita dapat memperoleh apa sahaja barangan yang dihasilkan di mana-mana tempat. Perkembangan sistem kapitalis telah mewujudkan hubungan saling bergantung sesama manusia dari segi pendapatan, dan menyatukan kehendak atau keinginan manusia sejagat.

Semua kehidupan ekonomi semakin disatukan dalam satu struktur tunggal dalam proses **sosialisasi pengeluaran**. Namun, pergerakan menyeluruh untuk hubungan saling bergantung ini berpusatkan **pemilikan swasta ke atas cara-cara pengeluaran**. Kapitalis yang memiliki segala cara-cara pengeluaran hanya menjaga kepentingan sendiri dan bercanggah dengan kepentingan kelas pekerja yang majoriti.

Sosialisasi pengeluaran berkonflik dengan pemilikan swasta. Namun, pemilikan swasta adalah penggerak dan tiang penyokong untuk sosialisasi pengeluaran dalam sistem kapitalis.



Krisis ekonomi

Apabila berlakunya krisis ekonomi, kontradiksi ini tercetus dan ditonjolkan dalam bentuk yang paling luar biasa.

Dasar-dasar negara dan syarikat kapitalis tidak dapat menangani kontradiksi kapitalisme.

Dua trend yang bercanggah:

i. Kapitalis sentiasa mengurangkan kos buruh (gaji), pada masa yang masa menghasilkan lebih komoditi, tetapi oleh sebab kuasa beli pengguna daripada kelas pekerja telah dikurangkan, maka komoditi tidak dapat dijual.

ii. Persaingan antara kapitalis untuk mengeluarkan komoditi yang lebih banyak dan lebih murah (melalui penggunaan teknologi baru untuk meningkatkan produktiviti), tetapi permintaan pasaran untuk komoditi tidak mampu mengejar pertumbuhan pengeluaran. Trend ini menimbulkan krisis ekonomi, iaitu **kemelesetan ekonomi**.

Krisis ekonomi kapitalis amat berbeza daripada krisis pada zaman pra-kapitalis. Krisis pada zaman pra-kapitalis adalah disebabkan oleh kekurangan, tetapi **krisis kapitalisme itu adalah disebabkan oleh berlebihan**.

Punca krisis ekonomi kapitalis adalah disebabkan **pengeluaran yang berlebihan** (*overproduction*), tetapi pada masa yang sama **kuasa beli tidak mencukupi** (*underconsumption*).

Fenomena yang aneh dalam kapitalisme: orang mati kebuluran bukannya disebabkan tidak cukup makanan, tetapi bekalan makanan yang berlebihan. Bagaimana ini boleh berlaku?

Komoditi yang berlebihan tiada pembelinya, bukan sahaja tidak dapat memperoleh nilai surplusnya, malah modal yang dilaburkan juga tidak akan diperoleh semula. Penurunan dalam kuantiti jualan memaksa kapitalis memberhentikan pengeluaran, maka mereka memberhentikan pekerja. Pekerja yang diberhentikan kerja tiadanya simpanan untuk menyara hidup kerana mereka hanya boleh menjual tenaga buruh untuk mencari rezeki, dan kehilangan kerja membawa kesengsaraan kemiskinan yang teruk. Punca kejatuhan kuantiti jualan adalah komoditi yang terlalu banyak.

Dari segi pengeluaran yang berlebihan, kemelesetan ekonomi terjadi bukan kerana produktiviti pekerja tidak mencukupi, tetapi peningkatan produktiviti buruh dengan meningkatkan teknologi pengeluaran (menaikkan modal tetap) akan menyebabkan pekerja kehilangan kerja sehingga tidak dapat membeli barangan berlebihan yang dihasilkan itu.

Dari segi permintaan untuk

penggunaan (kuasa beli) yang tidak mencukupi, kegawatan ekonomi bukannya disebabkan gaji pekerja terlalu tinggi, tetapi gaji pekerja ditekan pada tahap yang rendah untuk memaksimumkan keuntungan sehingga menjejaskan kuasa beli pekerja itu.

Karl Marx telah membentangkan hipotesis ekonominya tentang **“kecenderungan pengurangan kadar keuntungan”** (*tendency of the rate of profit to fall*) yang diterangkan menggunakan teori pengumpulan modal. Walaupun kecenderungan pengurangan kadar keuntungan purata sosial itu sukar untuk disukai dan tiada hubungan secara langsung dengan kegawatan ekonomi, namun Marx menganggap teori ini penting untuk memahami sifat asas krisis sistem kapitalis.


Pengumpulan modal yang membawa kepada kemajuan teknologi dan skala pengeluaran secara umum, serta trend untuk penguasaan kapitalis besar dalam persaingan pasaran, melibatkan satu kecenderungan umum untuk penumpunan modal, sehingga komposisi organik modal dalam pengeluaran itu akan meningkat. Sekiranya faktor lain adalah malar, peningkatan komposisi organik modal akan mengurangkan kadar pengumpulan modal, dan menimbulkan masalah / krisis kepada sistem kapitalis itu.

Marx menganggap “kecenderungan pengurangan kadar keuntungan” sebagai satu kecenderungan umum dalam perkembangan mod pengeluaran kapitalis, tetapi adanya juga “faktor pengimbangan” yang akan menaikkan kadar keuntungan, antaranya:

- Pemasaran yang lebih hebat ke atas pekerja (meningkatkan kadar eksploitasi ke atas tenaga buruh);
- Pengurangan gaji kepada tahap di bawah nilai kuasa buruh;
- Menggunakan cara-cara tertentu untuk dapatkan modal tetap secara murah;
- Pertumbuhan populasi yang berlebihan (tentera simpanan buruh) yang menganggur;
- Perdagangan luar yang mengurangkan kos input industri dan barangan pengguna;
- Peningkatan dalam menggunakan modal perkongsian oleh syarikat saham bersama, yang mengalihkan sebahagian kos penggunaan modal dalam pengeluaran kepada orang lain (rakan sekongsi kapitalis).

Walau bagaimanapun, Marx berpendapat bahawa faktor pengimbangan pada akhirnya tetap tidak dapat menghalang kejatuhan kadar keuntungan dalam industri, kerana kecenderungan ini adalah intrinsik untuk mod pengeluaran kapitalis.

Seperti yang dikatakan oleh Marx, **“halangan sebenar untuk pengeluaran kapitalis adalah modal itu sendiri”**. (*Das Kapital*, Jilid III) Modal yang berlebihan perlu “dimusnahkan” dalam krisis dan



jikalau tidak, masalah yang ditimbulkan itu akan dilanjutkan ke krisis yang akan datang.

Kitaran krisis ekonomi kapitalis berulang-ulang dalam kitaran: kemelesetan – pemulihan – kemakmuran – kemelesetan. Setiap kali berlakunya krisis kemelesetan ekonomi, akan membawa impak yang lebih besar kepada kelas pekerja dan kehancuran kepada masyarakat.

Sistem kapitalis itu sentiasa berkecenderungan untuk berlakunya krisis, dan cuba menyelamatkan sistem itu sendiri dengan setiap kali berlakunya krisis. Namun, selalunya kelas pekerja akan dikorbankan dalam krisis ekonomi, dengan pengangguran secara besar-besaran, kemiskinan, kelaparan dan kesengsaraan hidup yang tidak habis-habisan.

Dalam krisis ekonomi, ramai pekerja kehilangan kerja menjadi penganggur, begitu juga dengan ramai daripada kelas menengah dan kapitalis kecil “dilucutkan” tarafnya sehingga menjadi proletariat. Mereka yang menjadi mangsa kepada krisis ekonomi akan dijadikan “tentera simpanan” (sekiranya masih hidup) untuk pemulihan ekonomi yang seterusnya dalam kitaran ekonomi kapitalis.

Punca-punca berlakunya krisis secara kitaran, wujud secara berkekalan dalam sistem kapitalis itu sendiri, dan tidak dapat diatasi selagi masih berada dalam kerangka sistem kapitalis.

Krisis merupakan manifestasi kontradiksi asas dalam sistem kapitalis, dan berulang kali melalui kitaran krisis itu memberi amaran pada kapitalisme bahawa ia bakal menemui ajal, jikalau tidak, yang menanggung segala kesengsaraan daripada krisis kapitalis itu adalah kelas pekerja dan rakyat miskin seluruh dunia.

Akan tetapi, kemusnahan sistem kapitalis itu tidak akan datang secara sendiri atau automatik. Kemusnahannya memerlukan kesedaran rakyat, dan tugas untuk kelas pekerja dan rakyat tertindas adalah menggerakkan kesedaran itu. ##

Sekitar Himpunan BERSIH 5



Puluhan ribu rakyat Malaysia turun ke jalanan di Kuala Lumpur pada 19 November yang lalu untuk menghadiri Himpunan BERSIH 5 dengan hasrat menuntut pilihanraya yang bersih dan demokrasi sejati untuk negara kita. Ini merupakan satu lagi detik yang bersejarah dalam perjuangan rakyat Malaysia dalam menuntut demokrasi dan keadilan sosial. Namun, perjuangan untuk demokrasi tidak akan reda selepas himpunan ini, malahan akan berterusan sehingga aspirasi rakyat untuk sebuah negara yang lebih baik dapat tercapai. Marilah kita satu tenaga untuk membina Malaysia baru!



Sudut Komik

Nasib Orang Asli dan hutan

